

Bani Israil dan Kecintaan kepada Dunia serta Permusuhan dengan Jibril AS: Surah al-Baqarah (2: 93-101)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Bani Israil dan Kecintaan kepada Dunia serta Permusuhan dengan Jibril AS: Surah al-Baqarah (2: 93-101)*. Siri 17. Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran. Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-85-0.

Abstract

Bani Israil dan Kecintaan kepada Dunia serta Permusuhan dengan Jibril AS, surah al-Baqarah (2: 93-101), Siri 17 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Kaum Bani Israil sangat takut untuk mati disebabkan keyakinan mereka tentang tempat mereka kembali di alam akhirat adalah dalam neraka Allah SWT kerana disebabkan keingkaran mereka untuk beriman kepada Nabi Muhammad SAW. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah (2: 93-98)* daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lapan aspek pengajaran yang boleh diambil oleh umat Islam dan umat manusia, iaitu sikap kaum Bani Israil terhadap perjanjian mereka kepada Allah SWT; singkapan Allah SWT terhadap perkara yang diubah oleh ulama Yahudi terhadap kitab taurat dari aspek adakah benar bangsa Yahudi adalah kekasih Allah SWT dan anak-anak-Nya, penipuan Yahudi bahawa akhirat adalah untuk kaum Yahudi dan Nasrani, dan Jibril dan permusuhan Yahudi terhadapnya; sumpah mubahalah daripada segi definisi, kaedah, dan kesan; umur yang panjang di dunia adalah lebih baik daripada umur yang pendek; nama para malaikat dan perbahasannya; bukti kenabian Nabi Muhammad dalam sembilan soalan kaum Bani Israil kepada baginda; dan pengakuan Bani Israil terhadap kebenaran perutusan Nabi Muhammad SAW.

References

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Hakim, Abu 'Abdullah Muhammad. 1990. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn li al-Hakim*. Mustafa 'Abd al-Qadir Al-'Ata (Ed.). Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nasa'i, Ahmad. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. 'Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'Imiyah.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld.

1-24. Yamamah: Dar Hija' li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.

- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu: Surah al-Baqarah (2: 51-57)*. Kertas Kerja dalam Siri 13: Program Budaya al-Quran, 06 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Kelebihan Bani Israil Tidak Berbeza Ketika di Akhirat: Surah al-Baqarah (2: 47-50)*. Kertas Kerja dalam Siri 12: Program Budaya al-Quran, 29hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Kertas Kerja dalam Siri 11: Program Budaya al-Quran, 22hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Kecintaan Kepada Dunia dan Permusuhan dengan Jibril AS: Surah al-Baqarah (2: 93-98)*. Kertas Kerja dalam Siri 20: Program Budaya al-Quran, 21 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Kertas Kerja dalam Siri 17: Program Budaya al-Quran, 24 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Kertas Kerja dalam Siri 19: Program Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019d. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Kertas Kerja dalam Siri 16: Program Budaya al-Quran, 17 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019e. *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Kertas Kerja dalam Siri 18: Program Budaya al-Quran, 31 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.



**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 17
Bani Israil dan Kecintaan kepada Dunia
serta Permusuhan dengan Jibril AS
Surah al-Baqarah (2: 93-101)**

Kamarul Azmi Jasmi



**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 17
Bani Israil dan Kecintaan kepada Dunia serta
Permusuhan dengan Jibril AS
Surah al-Baqarah (2: 93-101)**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama Julai 2021
©KAMARUL AZMI JASMI 2021

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi

BANI ISRAIL DAN KECINTAAN KEPADA DUNIA SERTA PERMUSUHAN
DENGAN JIBRIL AS : SURAH AL-BAQARAH (2:93-101) / Kamarul Azmi Jasmi.
(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA al-Quran ; SIRI 17)

ISBN 978-967-2171-85-0

1. Qur'an. Surat al-Baqarah-Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an-Criticism, interpretation, etc.
3. Qur'an-Translating.
4. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI
Fakulti Tamadun Islam
UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>v</i>
Pengenalan	1
Tafsiran Ayat	3
Surah al-Baqarah (2: 93)	3
Surah al-Baqarah (2: 94-96)	7
Surah al-Baqarah (2: 97-98)	22
Pengajaran Ayat	56
Sikap Kaum Bani Israil Terhadap Perjanjian Mereka dengan Allah SWT	56
Allah SWT Menyingkap Antara Fakta Taurat yang Diubah Bangsa Yahudi adalah Kekasih Allah SWT	57
Syurga dan Alam Akhirat adalah untuk Bangsa Yahudi Jibril adalah Musuh dan Mikail adalah Kawan kepada Kaum Bani Israil	58
Kesan Buruk Sifat Syirik kepada Umat Manusia	59
Sumpah Mubalahah bagi Membuktikan Kebenaran dan Kesan-Nya	60
Umur yang Panjang di Dunia Adalah Lebih Baik bagi Manusia Menurut Islam	61
Nama Para Malaikat dan Perbahasannya	63
Bukti Kenabian Nabi Muhammad SAW	64
(1) Makanan apakah yang diharamkan oleh Nabi Ya‘qub AS terhadap dirinya sebelum kitab Taurat diturunkan?	64
(2) Bagaimanakah rupa air mani laki-laki dan air mani	

perempuan	64
(3) Bagaimana boleh terjadi daripadanya anak laki-laki dan anak perempuan?	65
(4) Apakah yang menyebabkan seorang anak mirip kepada ayahnya atau ibunya?	65
(5) Ceritakanlah kepada kami tentang nabi yang ummi dalam kitab Taurat. Ceritakanlah kepada kami tentang pertanda nabi	65
(6) Ceritakanlah kepada kami apakah kilat itu? Apakah suara yang biasa kita dengar dari guruh itu?	65
(7) Apakah tanda hari kiamat itu?	66
(8) Apakah makanan yang mula-mula dimakan oleh ahli syurga?	66
(9) Siapakah yang menjadi kekasihnya dalam kalangan para malaikat? Ceritakanlah kepada kami tentang al-Roh	66
Pengakuan Kaum Yahudi Terhadap Nabi Muhammad SAW Sebagai Rasul	66
Rumusan	67
Rujukan	67
Indeks	71
Biodata Penulis	73

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawabkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan menfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang menfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya diperlukan
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku

tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) serta disertakan nombor hadis dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan intipati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi
Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
2019

PENGENALAN

Selepas Allah SWT menyingkap sikap kaum Bani Israil terhadap pengutusan para Rasul termasuk pengutusan Nabi Muhammad SAW (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019c), Allah SWT menyingkapkan lagi sikap kaum Bani Israil terhadap perintah-Nya dan kecintaan mereka kepada dunia serta permusuhan mereka terhadap malaikat Jibril (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019a). Firman-Nya:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ خُذُوا
 مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَأَسْمِعُوا قَالُوا سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا
 وَأَشْرَبُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ بِكُفْرِهِمْ قُلْ بِئْسَمَا
 يَأْمُرُكُمْ بِهِ إِيمَانُكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٩٣﴾ قُلْ
 إِنْ كَانَتْ لَكُمْ الدَّارُ الْآخِرَةُ عِنْدَ اللَّهِ خَالِصَةً مِّنْ دُونِ
 النَّاسِ فَتَمَنَّوْا الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٩٤﴾ وَلَنْ يَتَمَنَّوَهُ
 أَبَدًا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٩٥﴾
 وَلَتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ النَّاسِ عَلَى حَيَاتِهِ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا يَوَدُّ
 أَحَدُهُمْ لَوْ يُعَمَّرَ أَلْفَ سَنَةٍ وَمَا هُوَ بِمُرَزَّحٍ مِنْهُ مِنَ الْعَذَابِ
 أَنْ يُعَمَّرَ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾ قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا
 لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ وَنَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ مُصَدِّقًا لِّمَا
 بَيْنَ يَدَيْهِ وَهُدًى وَبُشْرَى لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٩٧﴾ مَنْ كَانَ عَدُوًّا

لَّهِ وَمَا لَكُمْ بِهِ وَعِيسَىٰ وَجِبْرِيلَ وَمِيكَالَ فَإِنَّ اللَّهَ
 عَدُوٌّ لِلْكَافِرِينَ ﴿٩٨﴾

Maksud: Dan (ingatlah) ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan kamu semasa Kami angkatkan bukit Tursina itu ke atas kamu (sambil kami berfirman), “Ambilah (dan amalkanlah ajaran Kitab Taurat) yang Kami berikan kepada kamu itu dengan bersungguh-sungguh, dan dengarlah (apa yang diperintahkan kepada kamu dengan mematuhihinya).” Mereka menjawab, “Kami dengar dan kami menderhaka.” Sedang kegemaran menyembah (patung) anak lembu itu mesra dan sehati dalam hati mereka, dengan sebab kekufuran mereka. Katakanlah (wahai Muhammad), “Amatlah jahatnya apa yang disuruh oleh iman kamu itu kalaulah kamu orang yang beriman.” (93) Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum Yahudi), “Kalau syurga negeri akhirat itu menjadi hak istimewa untuk kamu pada sisi hukum Allah, tidak boleh dicampuri oleh orang lain (seperti yang kamu dakwakan itu), maka cita-citakanlah mati (supaya kamu dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang yang benar.” (94) Dan sudah tentu mereka tidak akan mencita-citakan mati itu selama-lamanya, dengan sebab dosa yang mereka lakukan; dan Allah sentiasa mengetahui akan orang yang zalim itu. (95) Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-tamak manusia kepada hidup (yang lanjut masanya), dan (lobanya mereka kepada hidup itu) melebihi loba orang kafir musyrik. Tiap-tiap seorang dari mereka suka kiranya ia boleh hidup seribu tahun, padahal umur panjang yang demikian, tidak akan dapat melepaskannya dari azab (yang disediakan oleh Allah). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang mereka lakukan. (96) Katakanlah (wahai Muhammad), “Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah, yang mengesahkan kebenaran kitab yang ada di hadapannya (yang diturunkan sebelumnya), serta menjadi petunjuk dan memberi khabar gembira kepada orang yang beriman.” (97) Sesiapa memusuhi Allah (dengan mengingkari segala petunjuk dan perintah-Nya) dan memusuhi

Malaikat-Nya dan Rasul-Nya, khususnya malaikat Jibril dan Mikail, (maka ia akan disiksa oleh Allah) kerana sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang kafir. (98)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 93-98)

Buku ini akan membincangkan tiga bahagian tafsiran ayat dengan pembahagian pertama *al-Baqarah* (2: 93). Kemudian diikuti dengan perbincangan tafsiran *al-Baqarah* (2: 94-96) dan *al-Baqarah* (2: 97-98). Pada bahagian akhir perbincangan buku akan dibincangkan pengajaran yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat.

TAFSIRAN AYAT

Tiga bahagian perbincangan tafsir adalah terdiri daripada ayat *al-Baqarah* (2: 93). Kemudian diikuti dengan perbincangan tafsiran *al-Baqarah* (2: 94-96) dan *al-Baqarah* (2: 97-98).

SURAH AL-BAQARAH (2: 93)

Pada bahagian ini Allah SWT masih menyebut kembali perjanjian-Nya dengan kaum Bani Israil yang pernah disingkap sebelum ini dan penderhakaan mereka terhadap perjanjian tersebut (Jasmi, 2019e). Firman-Nya:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ خُذُوا
مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَأَسْمِعُوا قَالُوا سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا
وَأَشْرَبُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ بِكُفْرِهِمْ قُلْ بِسْمَا
يَأْمُرُكُمْ بِهِ إِيمَانُكُمْ إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٩٣﴾

Maksud: *Dan (ingatlah) ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan kamu semasa Kami angkatkan bukit Tursina itu ke atas kamu (sambil kami berfirman), “Ambilah (dan amalkanlah ajaran Kitab Taurat) yang Kami berikan kepada kamu itu dengan bersungguh-sungguh, dan dengarlah (apa yang diperintahkan kepada kamu dengan mematuhiannya).” Mereka menjawab, “Kami dengar dan kami menderhaka.” Sedang kegemaran menyembah (patung) anak lembu itu mesra dan sehati dalam hati mereka, dengan sebab kekufuran mereka. Katakanlah (wahai Muhammad), “ Amatlah jahatnya apa yang disuruh oleh iman kamu itu kalaulah kamu orang yang beriman.” (93)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 93)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/329) berkata bahawa Allah SWT menyebut kembali terhadap kekeliruan kaum bani Israil dan penderhakaan mereka terhadap janji dan sifat takabur mereka, serta berpalingnya mereka dari Allah SWT hingga pada suatu ketika sehingga diangkat Bukit Tursina di atas mereka, akhirnya barulah mereka mahu menerima janji itu. Tetapi sesudah itu mereka tetap melanggarnya, seperti yang disebutkan oleh firman-Nya:

قَالُوا سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا

Maksud: *Mereka menjawab, “Kami dengar dan kami menderhaka.”*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 93)

Sayyidina Qatadah menyatakan berhubung dengan tafsiran firman Allah SWT yang bermaksud, *“Sedang kegemaran menyembah (patung) anak lembu itu mesra dan sehati dalam hati mereka, dengan sebab kekufuran mereka”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 93) bahawa penyembahan anak lembu yang pernah mereka lakukan tersebut meresap ke dalam hati mereka sehingga kecintaan mereka sangat mendalam terhadap

penyembahan tersebut. Hal yang sama dikatakan pula oleh Abu al-‘Aliyah dan al-Rabi‘ bin Anas. Kedua-dua mereka berhujah dengan satu hadis menjelaskan (Abu Dawud, 2009: 5130):

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «حُبُّكَ الشَّيْءَ
يُعْمِي وَيُصِمُّ.»

Maksud: *Abu Darda RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Kecintaanmu kepada sesuatu membuatmu buta dan tuli.*

(*Abu Dawud*)

Hadis ini membawa maksud bahawa kaum Bani Israil yang pernah menyembah lembu dan merasa cinta kepada penyembahan tersebut menyebabkan mereka menjadi buta dan tuli tentang kesalahan dosa syirik tersebut.

Al-Suddi meriwayatkan bahawa Nabi Musa AS segera menyembelih anak lembu itu kemudian mencampakkan anak lembu itu ke laut. Sesudah itu, maka tiada suatu laut pun yang mengalir pada masa itu kecuali terjadi sesuatu padanya. Kemudian Musa AS berkata kepada mereka, "Minumlah kamu dari airnya!" Maka mereka pun minum. Barang siapa yang cinta kepada anak lembu itu, maka keluarlah emas dari kedua sisi kumisnya. Yang demikian itu disebutkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya "Sedang kegemaran menyembah (patung) anak lembu itu mesra dan sehati dalam hati mereka, dengan sebab kekufuran mereka" (Surah *al-Baqarah*, 2: 93).

Ibnu Abu Hatim meriwayatkan bahawa ‘Ali RA yang menyatakan bahawa Musa AS menuju ke arah patung anak lembu itu, lalu meletakkan kendi air di atasnya, kemudian ia mendinginkan anak lembu itu dengan air kendi tersebut, sedangkan ia berada di pinggir sungai. Tiada seorang pun yang minum air tersebut dalam kalangan

orang yang pernah menyembah anak lembu, melainkan wajahnya menjadi kuning seperti emas. Sedangkan Sa'id bin Jubair menyatakan berhubung dengan tafsir firman-Nya “*Sedang kegemaran menyembah (patung) anak lembu itu mesra dan sehati dalam hati mereka, dengan sebab kekufuran mereka*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 93), iaitu ketika anak lembu itu dibakar, sesudah itu didinginkan dan ditaburkan abunya (ke sungai), maka mereka meminum airnya hingga wajah mereka tampak kuning seperti wama minyak *za'faran*.

Imam Al-Qurtubi (2003: 2/31) meriwayatkan dari kitab al-Qusyairi, bahawa tiada seorang pun yang minum air sungai itu dalam kalangan orang yang menyembah anak lembu kecuali ia gila. Namun kemudian al-Qurtubi menyatakan, bukan pendapat ini yang dimaksud oleh ayat ini, kerana makna yang dimaksud oleh konteks ayat ini ialah bahawa warna kuning tampak pada bibir dan wajah mereka. Sedangkan hal yang termaktub menceritakan bahawa diresapkan ke dalam hati mereka kecintaan menyembah anak lembu, iaitu pada ketika mereka menyembahnya.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/330) seterusnya melanjutkan huarain tafsiran dalam firman Allah SWT:

قُلْ بِسْمَايَا أَمْرُكُم بِهِ إِيمَانُكُمْ إِن كُنتُمْ
مُؤْمِنِينَ ﴿٩٣﴾

Maksud: *Katakanlah (wahai Muhammad), “Amatlah jahatnya apa yang disuruh oleh iman kamu itu kalaulah kamu orang yang beriman.” (93)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 93)

Beliau menjelaskan bahawa ayat ini bererti, “alangkah jahat perbuatan yang sengaja kamu lakukan pada masa lalu dan masa sekarang, iaitu kamu ingkar kepada tanda kebesaran Allah SWT, menentang para nabi, dan dengan sengaja kamu ingkar kepada Nabi Muhammad SAW.” Hal terakhir ini, iaitu beriman kepada Nabi Muhammad

SAW merupakan dosa kamu yang paling besar dan paling teruk yang pernah kamu lakukan. Hal ini disebabkan Baginda SAW merupakan penutup bagi segala para Nabi dan baginda juga merupakan penghulu para nabi dan para rasul yang diutus kepada seluruh umat manusia. Bagaimana kamu dapat mendakwakan bahawa diri kamu beriman, sedangkan kamu melakukan semua perbuatan yang buruk itu seperti kamu sering melanggar janji terhadap Allah, ingkar kepada ayat-Nya, dan kamu berani menyembah anak lembu selain Allah SWT?

SURAH AL-BAQARAH (2: 94-96)

Bahaya kekufuran kaum Bani Israil terhadap keengganan mereka beriman kepada Rasulullah SAW dan dosa lain yang dilakukan oleh mereka mengakibatkan mereka dijanjikan dengan azab yang pedih sebaik sahaja mereka mati. Allah SWT mengetahui bahawa kaum Bani Israil amat mengetahui azab yang dijanjikan tersebut sebaik sahaja mereka mati. Oleh kerana itu, Allah SWT mencabar mereka agar bercita-cita untuk berada dalam kematian tersebut sebagaimana firman-Nya:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ لَكُمْ الدَّارُ الْآخِرَةُ عِنْدَ اللَّهِ خَالِصَةً مِّنْ دُورِ النَّاسِ فَتَمُنَّوْا الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٩٤﴾ وَلَنْ يَتَمَنَّوَهُ أَبَدًا بِمَا قَدَّمْتُمْ أَيْدِيهِمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٩٥﴾ وَلَتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ النَّاسِ عَلَى حَيَاتِهِ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا يَوَدُّ أَحَدُهُمْ لَوْ يُعَمَّرُ أَلْفَ سَنَةٍ وَمَا هُوَ بِمُرَحِّزٍ لَهُ مِنَ الْعَذَابِ أَنْ يُعَمَّرَ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

Maksud: *Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum Yahudi), "Kalau syurga negeri akhirat itu menjadi hak istimewa untuk kamu*

pada sisi hukum Allah, tidak boleh dicampuri oleh orang lain (seperti yang kamu dakwakan itu), maka cita-citakanlah mati (supaya kamu dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang yang benar.” (94) Dan sudah tentu mereka tidak akan mencita-citakan mati itu selama-lamanya, dengan sebab dosa yang mereka lakukan; dan Allah sentiasa mengetahui akan orang yang zalim itu. (95) Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-tamak manusia kepada hidup (yang lanjut masanya), dan (lobanya mereka kepada hidup itu) melebihi loba orang kafir musyrik. Tiap-tiap seorang dari mereka suka kiranya ia boleh hidup seribu tahun, padahal umur panjang yang demikian, tidak akan dapat melepaskannya dari azab (yang disediakan oleh Allah). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang mereka lakukan. (96)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 94-96)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/331) berkata bahawa Ibn ‘Abbas RA menjelaskan bahawa Allah SWT berfirman kepada Nabi-Nya, Muhammad SAW yang bermaksud, “*Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum Yahudi), “Kalau syurga negeri akhirat itu menjadi hak istimewa untuk kamu pada sisi hukum Allah, tidak boleh dicampuri oleh orang lain (seperti yang kamu dakwakan itu), maka cita-citakanlah mati (supaya kamu dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang yang benar” (94) (surah al-Baqarah, 2: 94) ialah tuntutan kepada kaum Bani Israil agar mereka berdoa untuk minta segera dimatikan. Suruhan ini ditujukan kepada kedua belah pihak, iaitu kaum Yahudi dan kaum Muslimin. Dengan kata lain, bagi membuktikan antara dua golongan ini bahawa golongan manakah antara kedua-dua golongan itu yang berdusta.*

Ternyata mereka menolak hal tersebut di hadapan Rasulullah SAW dengan kenyataan firman-Nya yang bermaksud, “Dan sudah tentu mereka tidak akan mencita-citakan mati itu selama-lamanya, dengan sebab dosa yang mereka lakukan; dan Allah sentiasa mengetahui akan orang yang zalim itu. (95) (Surah *al-Baqarah*, 2: 95). Ayat ini bermaksud bahawa Allah SWT memberitahukan kepada Nabi Muhammad SAW

perihal pengetahuan mereka mengenai dosa yang dilakukan oleh diri mereka sendiri, bahkan mereka mengetahui kekufuran diri mereka terhadap agama mereka sendiri. Disebutkan, seandainya mereka benar-benar menginginkan kematian pada ketika Allah SWT berfirman demikian terhadap mereka, nescaya tiada seorang pun dalam kalangan Yahudi di muka bumi ini melainkan pasti binasa pada ketika itu juga.

Sayidina Ibn ‘Abbas (t.th.: 1/14) berkata bahawa firman Allah SWT, “*Fatamannaw al-mawta* (فَتَمَنَّوْا الْمَوْتَ) bererti, “*minta matilah kamu.*” Beliau juga menambah sebagaimana yang dinyatakan oleh Ikrimah “Seandainya kaum Yahudi itu mengingini kematian pada ketika itu, nescaya mereka akan mati semuanya.” Perkataan ini juga pernah dinyatakan oleh Imam Ibn Abi Hatim (1998: 938) daripada athar Ibn ‘Abbas yang menyatakan:

لَوْ تَمَّتْ يَهُودُ الْمَوْتِ لَمَاتُوا.

Maksud: *Seandainya mereka benar-benar mengingini kematian, nescaya semua mereka akan mati.*”

(Ibn Abi Hatim)

Hadis ini diperkukuhkan lagi dengan hadis yang dikeluarkna oleh Imam Ahmad (2001: 2225):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «لَوْ أَنَّ يَهُودَ تَمَنَّوْا الْمَوْتَ، لَمَاتُوا، وَرَأَوْا مَقَاعِدَهُمْ مِنَ النَّارِ، وَلَوْ خَرَجَ الَّذِينَ يَبَاهِلُونَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ، لَرَجَعُوا لَا يَجِدُونَ مَالًا وَلَا أَهْلًا.»

Maksud: *Ibn ‘Abbas RA berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Seandainya kaum Yahudi itu mengingini kematian, nescaya mereka semua mati*

dan nescaya mereka akan melihat tempat kediaman mereka di dalam neraka. Dan seandainya orang yang diajak bermubahalah oleh Rasulullah SAW keluar, nescaya mereka akan kembali tanpa menemukan keluarga dan harta bendanya lagi.

(Ahmad)

Imam Ibn Abi Hatim (1998: 941) seterusnya meriwayatkan satu athar dari al-Hasan yang menyatakan:

قَوْلِ اللَّهِ ﷻ: (وَلَنْ يَتَمَنَّوَهُ أَبَدًا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ) فَقُلْتُ: «أَرَأَيْتَ لَوْ أَنَّهُمْ أَحَبُّوا الْمَوْتَ حِينَ قَالَ لَهُمْ فَتَمَنَّوْا أَرَاهُمْ كَانُوا مَيِّتِينَ؟ قَالَ: «لَا. وَاللَّهِ مَا كَانُوا لِيَمُوتُوا لَوْ تَمَنَّوْا الْمَوْتَ، وَمَا كَانُوا لِيَتَمَنَّوَهُ، وَقَدْ قَالَ اللَّهُ مَا سَمِعْتُ: (وَلَنْ يَتَمَنَّوَهُ أَبَدًا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ).»

Maksud: *Firman Allah SWT, "Mereka (kaum Yahudi) sama sekali tidak akan mengingini kematian itu kerana yang diperbuat oleh tangan mereka sendiri." Aku (Abbad bin Mansur) bertanya, "Bagaimanakah menurutmu, seandainya mereka mengingini kematian itu, ketika dikatakan kepada mereka, "Inginilah kematian kamu!" Apakah mereka akan mati ketika itu juga?" Al-Hasan menjawab, "Tidak! Demi Allah, mereka sama sekali tidak akan mati ketika itu juga, sekalipun mereka mengingini kematian itu. Mereka sekali-kali tidak akan mengingini kematian itu, kerana sesungguhnya seperti apa yang kamu dengar bahawa Allah SWT berfirman, "Dan sudah tentu mereka tidak akan mencita-citakan mati itu selama-lamanya, dengan sebab dosa yang mereka lakukan; dan Allah sentiasa mengetahui akan orang yang zalim itu. (95) (Surah al-Baqarah, 2: 95)."*

(Ibn Abi Hatim)

Namun sanad riwayat ini yang bersumber dari al-Hasan dalam kedudukan hadis gharib kerana bertentangan dengan athar yang diketengahkan oleh Ibn ‘Abbas RA mengenai makna ayat ini bersifat dipastikan, iaitu menyerukan kepada kedua belah pihak, siapakah antara kedua-duanya yang berdusta, iaitu apakah mereka kaum Yahudi atau kaum Muslimin melalui sumpah mubahalah. Sedangkan kenyataan Ibn ‘Abbas ini juga disokong oleh ahli tafsir yang lain dalam kalangan sahabat dan tabiin seperti Sayyidina Qatadah, Abu al-‘Aliyah, dan al-Rabi‘ bin Anas RA. Bahkan kenyataan Ibn ‘Abbas ini juga disokong dengan satu ayat yang lain yang semakna dengan ayat ini, iaitu firman Allah SWT berikut:

قُلْ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ هَادُوا إِنْ زَعَمْتُمْ أَنَّكُمْ أَوْلِيَاءُ لِلَّهِ مِنْ دُونِ
 النَّاسِ فَتَمَتُّوا أَلْمُوتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٦﴾ وَلَا يَتَمَنَّوْنَهُ أَبَدًا
 بِمَا قَدَّمْتُمْ أَيْدِيَهُمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٧﴾ قُلْ إِنْ
 أَلْمُوتَ الَّذِي تَفْرُوتَ مِنْهُ فَإِنَّهُ مُلَقِيكُمْ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ
 عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksud: Katakanlah (wahai Muhammad), “Wahai orang yang beragama Yahudi, kalau kamu anggap bahawa kamulah sahaja orang yang dikasihi Allah tidak termasuk umat manusia yang lain, maka bercita-citalah hendakkan mati (dengan meminta kepada Allah supaya kamu dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang yang benar!” (6) Dan (sudah tentu) mereka tidak akan bercita-cita hendakkan mati itu selama-lamanya, dengan sebab dosa-dosa yang mereka lakukan; dan Allah sentiasa mengetahui akan orang yang zalim itu. (7) Katakanlah

(wahai Muhammad), "Sebenarnya maut yang kamu melarikan diri daripadanya itu, tetaplal ia akan menemui kamu; kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, lalu Ia memberitahu kepada kamu apa yang kamu lakukan (serta membalasnya)". (8)

(Surah al-Jumu'ah, 62: 6-8)

Ketika kaum Bani Israil mengisytiharkan bahawa diri mereka adalah anak-anak Allah SWT dan kekasih-Nya sebagaimana kenyataan mereka yang dipetik oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصْرَىٰ نَحْنُ أَبْنَاءُ اللَّهِ وَأَحِبُّهُ

Maksud: Orang Yahudi dan Nasrani berkata: "Kami adalah anak-anak Allah dan yang amat disayangi-Nya".

(Surah al-Ma'idah, 5: 18)

Bahkan mereka berani menyatakan:

وَقَالُوا لَن يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَن كَانَ هُودًا أَوْ نَصْرَىٰ تِلْكَ
 أَمَانِيُّهُمْ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١١١﴾

Maksud: Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata pula: "Tidak sekali-kali akan masuk Syurga melainkan orang-orang yang beragama Yahudi atau Nasrani".

(Surah al-Baqarah, 2: 111)

Lalu mereka diajak untuk bersumpah secara *mubalahah*, yaitu mendoakan kebinasaan terhadap siapa yang berdusta antara kedua belah pihak, yaitu dalam kalangan mereka atau dalam kalangan kaum Muslimin. Pada saat mereka menolak untuk melakukan hal tersebut, maka masing-masing daripada setiap setiap kalangan mereka mengetahui bahawa mereka adalah orang yang zalim. Seandainya mereka merasa yakin dengan apa yang mereka amalkan, nescaya mereka berani maju melakukan mubalahah tersebut, tetapi sebaik sahaja mereka enggan dan berundur, maka diketahuilah bahawa merekalah yang berdusta.

Hal yang sama pernah diserukan pula oleh Rasulullah SAW terhadap delegasi daripada kalangan orang Nasrani Najran sesudah hujah mereka dipatahkan dalam suatu perdebatan, dan mereka masih tetap ingkar serta membangkang. Rasulullah SAW mengajak mereka untuk melakukan sumpah *mubalahah* (Ibn al-Kathir, 1999: 1/222). Hal ini sebagaimana yang disebutkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

فَمَنْ حَاجَّكَ فِيهِ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ فَقُلْ تَعَالَوْا نَدْعُ
 أَبْنَاءَنَا وَأَبْنَاءَكُمْ وَنِسَاءَنَا وَنِسَاءَكُمْ وَأَنْفُسَنَا
 وَأَنْفُسَكُمْ ثُمَّ نَبْتَهِلْ فَنَجْعَلْ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَى الْكَاذِبِينَ ﴿٦١﴾

Maksud: *Kemudian sesiapa yang membantahmu (wahai Muhammad) mengenainya, sesudah engkau beroleh pengetahuan yang benar, maka katakanlah kepada mereka, "Marilah kita menyeru anak-anak kami serta anak-anak kamu, dan perempuan kami serta perempuan kamu, dan diri kami serta diri kamu, kemudian kita memohon kepada Allah dengan bersungguh-sungguh, serta kita meminta supaya laknat Allah ditimpakan kepada orang yang berdusta."* (61)

(Surah Ali 'Imran, 3: 61)

Ketika mereka dihadapkan kepada suatu kenyataan, maka sebahagian dari mereka berkata kepada sebahagian yang lain, “Demi Allah, jika kamu mahu bermubalah dengan Nabi ini, nescaya tiada seorang pun dari kamu yang hidup.” Maka sejak saat itu akhirnya mereka lebih cenderung untuk membuat perdamaian, dan mereka bersedia membayar jizyah dengan patuh dan taat serta mereka juga berada dalam perlindungan negara Islam. Maka Nabi SAW menetapkan jizyah atas mereka dan mengutus kepada mereka Abu ‘Ubaydah bin Jarrah sebagai perantara dalam mengikat perjanjian antara Baginda SAW dengan kaum ini.

Terdapat persamaan makna ayat ini (surah *al-Baqarah*, 2: 94) dengan ayat yang lain atau setidak-tidaknya amat mirip ialah firman Allah SWT kepada Nabi-Nya yang memerintahkan agar menyatakan kepada kaum musyrik, iaitu:

قُلْ مَنْ كَانَ فِي الضَّلَالَةِ فَلْيَمْدُدْ لَهُ الرَّحْمَنُ مَدًّا

Maksud: *Katakanlah (wahai Muhammad), “Sesiapa yang berada di dalam kesesatan, maka biarlah (Allah) al-Rahman melanjutkan baginya satu tempoh yang tertentu.*

(Surah *Maryam*, 19: 75)

Ayat ini membawa maksud bahawa barang siapa yang berada dalam kesesatan dalam kalangan kami dan kamu, semoga Allah SWT menambahkan kepadanya apa yang sudah ada baginya dan memperpanjang serta menanggungkannya.

Adapun mengenai orang yang menafsirkan firman-Nya:

إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٩٤﴾

Maksud: *Jika betul kamu orang yang benar.*” (94)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 94-96)

iaitu dalam pengakuan kamu itu, maka inginilah kematian itu. Mereka yang menafsirkan demikian tidak menyentuh masalah *mubahalalah* seperti yang ditetapkan oleh segolongan ulama ahli kalam dan lain-lainnya. Sedangkan Imam Ibnu Jarir cenderung kepada pendapat ini sesudah beliau mengupas pendapat yang pertama, iaitu yang menyentuh tentang sumpah *mubahalalah*. Hal ini kerana sesungguhnya beliau ada menyatakan berhubung dengan takwil ayat dalam firman Allah SWT yang bermaksud, “Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum Yahudi), *“Kalau syurga negeri akhirat itu menjadi hak istimewa untuk kamu pada sisi hukum Allah, tidak boleh dicampuri oleh orang lain (seperti yang kamu dakwakan itu)*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 94) bahawa ayat ini termasuk salah satu ayat yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi-Nya sebagai hujah terhadap kaum Yahudi yang berada di tempat dekat tempat hijrah Baginda SAW. Hal ini sekali gus mengungkap kedustaan para rahib dan para pendeta mereka.

Demikian itu kerana Allah SWT memerintahkan kepada Nabi-Nya untuk memutuskan hukuman yang adil dalam menangani kes yang terjadi antara baginda dan mereka, iaitu kes perselisihan. Sebagaimana Allah SWT memerintahkan kepada baginda SAW agar mengajak golongan yang lain, iaitu kaum Nasrani pada ketika mereka berdebat dengan Baginda SAW dalam masalah Isa bin Maryam AS dengan tujuan untuk meleraikan hal ini melalui sumpah *mubahalalah* antara baginda dengan mereka. Untuk itu dikatakan kepada golongan kaum Yahudi:

Jika kamu memang benar (dalam pengakuan kamu), maka inginilah kematian kamu. Hal ini kerana sesungguhnya kematian itu tidak merugikan kamu jika kamu memang benar dalam pengakuan kamu yang menyatakan bahawa kamu beriman dan kedudukan kamu dekat

dengan Allah SWT kerana dengan kematian itu nescaya Allah SWT akan segera memberikan apa yang kamu cita-citakan dan yang selama ini kamu dambakan itu. Tambahan pula sesungguhnya sesudah kamu mati, kamu terbebas dari kepayahan hidup di dunia ini yang penuh dengan ujian dan cabaran yang memenatkan dalamnya. Kemudian kamu beruntung memperoleh kedudukan yang baik di sisi Allah SWT, iaitu di syurga-Nya jika perkara seperti apa yang kamu sangka bahawa kampung akhirat, iaitu syurga hanya khusus buat kamu dan bukan kami. Namun sekiranya kamu tidak mahu melakukannya, maka orang lain akan mengetahui bahawa kamulah yang salah dan kamilah yang benar dalam pengakuan kami, serta terbukalah bagi mereka perkara yang benar antara kami dan kamu.

Maka kaum Yahudi itu menolak melakukan hal tersebut kerana mereka mengetahui jika mereka mengingini kematian, nescaya mereka benar-benar binasa. Akibatnya akan lenyaplah dunia mereka dan tempat mereka kembali pula menjad tempat kehinaan buat mereka untuk selama-lamanya dalam negeri akhirat. Hal yang sama dilakukan oleh orang Nasrani, mereka menolak diajak untuk bersumpah *mubahalalah* oleh Nabi SAW ketika mereka berdebat dengan Nabi SAW berhubung dengan masalah Isa bin Maryam AS.

Pendapat ini permulaannya memang baik, tetapi bahagian terakhirnya masih perlu dipertimbangkan. Hal ini demikian kerana apa yang tersimpul darinya tidak mengandungi hujah terhadap mereka. Bahkan dapat sahaja dikatakan bahawa sesungguhnya tidak ada kaitan antara keadaan mereka yang mengakui benar dalam dakwaannya dengan konklusinya yang menyatakan bahawa mereka harus mengingini kematian. Dengan kata lain, hubungan antara keberadaan kemaslahatan dan mengharap kematian bukan merupakan suatu kaitan yang lazim. Dikatakan demikian kerana pada kenyataannya banyak orang soleh yang tidak mengharap kematian dirinya dan bahkan mereka menginginkan untuk diperpanjang usianya agar kebaikannya bertambah dan derajatnya di syurga menjadi semakin tinggi, seperti yang disebutkan dalam salah satu hadis (Al-Tirmidhi, 1998: 2329):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُسْرِ، أَنَّ أَعْرَابِيًّا قَالَ: «يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ خَيْرُ النَّاسِ؟» قَالَ: «مَنْ طَالَ عُمُرُهُ، وَحَسَنَ عَمَلُهُ.»

Maksud: *‘Abdullah bin Busr menceritakan bahawa seorang Arab Badwi bertanya, “Wahai Rasulullah! Siapakan manusia yang terbaik?” Baginda SAW menjawab, “Orang yang panjang usianya dan baik amalnya.*

(*Al-Tirmidhi*)

Alasan seperti ini memberikan kesempatan kepada kaum Bani Israil untuk mereka membalikkan hujah kepada umat Islam sehingga mereka dapat sahaja menyatakan, “Sekarang kamu kaum Muslimin berkeyakinan bahawa kamu adalah ahli syurga, sedangkan kamu sendiri tidak mengingini kematian dalam keadaan sihat. Mengapa kamu menetapkan kepada kami hal yang kamu sendiri tidak mahu melakukannya?”

Semua itu hanyalah bersumber dari penafsiran ayat atas dasar pengertian ini. Adapun mengenai tafsir yang dikemukakan oleh Ibn ‘Abbas, sama sekali tidak memberikan pengertian seperti itu, bahkan perkataan yang ditujukan kepada mereka merupakan perkataan yang seadanya sahaja, iaitu:; “Jika kamu berkeyakinan bahawa kamu adalah kekasih Allah, bukan manusia yang lain dan kamu percaya bahawa kamu adalah anak Allah SWT serta kekasih-Nya, serta kamu adalah ahli syurga, sedangkan selain kamu adalah ahli neraka, maka bersumpah *mubahalalah* kamu untuk membuktikan hal tersebut. Berdoalah untuk kebinasaan orang yang dusta dalam kalangan kamu atau dalam kalangan selain kamu. Ketahuilah bahawa sumpah *mubahalalah* itu pasti akan membinasakan orang yang dusta!”

Sesudah mereka merasa yakin akan hal tersebut dan mengetahui kebenaran Nabi SAW, maka mereka menolak untuk bersumpah *mubahalalah*. Hal ini kerana mereka merasakan bahawa diri mereka dusta

dan hanya bohong belaka. Mereka dengan sengaja menyembunyikan sifat dan ciri khas Rasulullah SAW sedangkan mereka mengetahui sifat dan ciri Rasulullah SAW sebagaimana mereka mengetahui sifat dan ciri anak-anak mereka sendiri secara pasti. Maka masing-masing dalam kalangan mereka mengetahui kebatilan, kehinaan, kesesatan, dan keingkaran diri mereka. Semoga laknat Allah SWT terus-menerus menimpa mereka hingga sampai ke hari kiamat.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/334) menyatakan bahawa *mubahalalah* yang diungkapkan oleh ayat ini dengan istilah *tamanni*, iaitu setiap orang yang merasa benar nescaya berharap semoga lawannya yang batil dibinasakan oleh Allah SWT. Terlebih lagi jika hal tersebut mengandung hujah yang menunjuk dan membuktikan kebenaran pihaknya. Sedangkan Mubahalalah yang diajukan ialah mubahalalah bersedia untuk mati, kerana hidup bagi kaum Bani Israil adalah sangat berharga dan diagungkan. Mereka menyadari keburukan tempat kembali mereka sesudah mereka mati. Oleh kerana itulah, maka Allah SWT berfirman:

وَلْتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ النَّاسِ عَلَى حَيَاتِهِ

Maksud: *Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-tamak manusia kepada hidup (yang lanjut masanya).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 94-96)

Ayat ini membawa maksud bahawa mereka adalah orang yang paling menginginkan usia panjang, kerana mereka mengetahui bahawa tempat kembali mereka sangat buruk dan akibat dari amal perbuatan mereka di hadapan Allah SWT sangat merugikan mereka. Dunia ini bagaikan penjara bagi orang Mukmin, dan bagaikan syurga bagi orang kafir. Mereka sangat menginginkan seandainya ditangguhkan dari kepastian hari akhirat, untuk itu mereka berupaya ke arah itu dengan semua kemampuan yang mereka kuasai. Akan tetapi, apa yang mereka takutkan

dan mereka hindari itu pasti akan menimpa diri mereka; hingga mereka lebih tamak kepada kehidupan di dunia berbanding dengan orang musyrik, iaitu orang yang tidak memiliki suatu kitab pun. Pengertian dan takwil ini termasuk ke dalam bab, “mengaitkan hal yang khusus kepada hal yang Umum.”

Imam Ibn Abi Hatim (1998: 1/178) meriwayatkan athar daripada Ibn ‘Abbas berhubung dengan makna firman Allah SWT yang bermaksud, “*bahkan (lebih loba lagi) daripada orang musyrik*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 96) Yang dimaksud dengan orang musyrik adalah orang ‘Ajam, iaitu selain orang Arab. Hal yang sama diriwayatkan oleh Imam Al-Hakim (1990: 3043):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، وَلْتَجِدْنَهُمْ أَحْرَصَ النَّاسِ عَلَى حَيَاةٍ قَالَ:
«الْيَهُودُ» (وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا) قَالَ: «الْأَعَاجِمُ.»

Maksud: *Ibn ‘Abbas menceritakan ayat yang bermaksud, “Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-tamak manusia kepada hidup (yang lanjut masanya)” ialah kaum Yahudi. Manakala ayat yang bermaksud, “bahkan (lebih haloba lagi) daripada orang musyrik” ialah orang ‘Ajam.*”

(*Al-Hakim*)

Imam Hakim menyatakan bahawa hadis ini sahih dengan syarat kedua-dua Imam al-Bukhari dan Imam Muslim, tetapi keduanya tidak mengetengahkannya.

Al-Hasan al-Basri menyatakan berhubung dengan tafsir firman Allah SWT yang bermaksud, “*Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-tamak manusia kepada hidup (yang lanjut masanya)*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 96) ialah merujuk kepada orang munafik. Hal ini kerana orang munafik ialah orang yang paling tamak kepada kehidupan dunia dan lebih tamak lagi

daripada orang musyrik. Sedangkan maksud ayat, “*Tiap-tiap seorang dari mereka suka*” pula, iaitu masing-masing dari kaum Yahudi menginginkan. Demikianlah maknanya menurut konteks ayat ini. Sedangkan menurut Abu al-‘Aliyah bahawa makna “*Tiap-tiap seorang dari mereka suka*” adalah merujuk kepada orang Majusi.

Seterusnya, Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/334) menyambung huraian tafsiran daripada Ibn ‘Abbas berhubung dengan tafsir firman Allah SWT yang bermaksud, “*Masing-masing dari mereka ingin agar diberi umur seribu tahun.*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 96) Hal ini sama dengan perkataan seorang Persia:

زَهْ هَزَارَسَالٌ

Maksud: *yang ertinya sepuluh ribu tahun.*

Maksud yang sama sepertimana yang diriwayatkan dari Imam Sa‘id bin Jubair sendiri. Manakala Imam Ibnu Jarir meriwayatkan athar daripada Ibn ‘Abbas berhubung dengan tafsir firman Allah SWT yang bermaksud, “*Tiap-tiap seorang dari mereka suka kiranya ia boleh hidup seribu tahun.*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 96) Maknanya sama dengan ucapan seorang Ajam (Persia):

هَزَارَسَالٌ نُورُوزِ مَهْرَجَانِ

Maksud: *Semoga usia sepuluh ribu tahun penuh dengan kegembiraan.*

Mujahid menyatakan berhubung dengan makna firman Allah SWT yang bermaksud, “*Tiap-tiap seorang dari mereka suka kiranya ia boleh hidup seribu tahun.*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 96) sebagai takwil, “*Aku berharap semoga sepanjang usia mereka dipenuhi dengan dosa.*”

Seterusnya, Ibn ‘Abbas menjelaskan berhubung dengan tafsir firman Allah SWT yang bermaksud, *“padahal umur panjang yang demikian, tidak akan dapat melepaskannya dari azab (yang disediakan oleh Allah)”* (Surah al-Baqarah, 2: 96), *iaitu hal tersebut tidak dapat menyelamatkannya* dari siksa. Hal ini demikian kerana orang musyrik tidak mengharapkan untuk mereka dibangkitkan kembali sesudah kematian. Mereka selalu mencintai kehidupan di dunia dalam bentuk usia yang panjang. Sedangkan seorang Yahudi pula mengetahui bentuk kehinaan yang bakal diterima oleh mereka pula kelak di alam akhirat kerana mereka menyia-nyiakan ilmu yang ada pada diri mereka. Al-Aufi menambah bahawa Ibn ‘Abbas berkata berhubung dengan makna firman Allah SWT yang bermaksud, *“padahal umur panjang yang demikian, tidak akan dapat melepaskannya dari azab (yang disediakan oleh Allah)”* (Surah al-Baqarah, 2: 96) bahawa mereka yang berharap demikian adalah kaum Yahudi yang memusuhi Malaikat Jibril. Abu al-‘Aliyah dan Ibn Umar pula menyatakan berhubung dengan tafsiran firman ini bahawa hal tersebut (usia panjang) tidak dapat menolong mereka daripada azab dan tidak pula dapat menyelamatkan mereka.

Abd al-Rahman bin Zaid bin Aslam berhubung dengan tafsir firman ini menyatakan bahawa kaum Yahudi itu adalah setamak-tamak manusia kepada kehidupan di dunia daripada selain mereka. Kaum Yahudi ingin seandainya masing-masing dari mereka diberi umur seribu tahun, padahal usia panjang itu sama sekali tidak dapat menyelamatkan diri mereka daripada azab Allah SWT. Seandainya dia diberi usia sebagaimana iblis, nescaya hal tersebut tiada manfaatnya bagi dirinya disebabkan mereka ialah orang kafir. Seterusnya Allah SWT berfirman:

وَاللَّهُ بِصَيْرٍ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

Maksud: *Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang mereka lakukan. (96)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 93-98)

Allah Maha Berwaspada lagi Maha Melihat semua yang dilakukan oleh para hamba-Nya, baik amal baik atau pun amal buruk. Kelak nanti setiap orang yang beramal akan menerima balasan yang setimpal kerana amal perbuatan mereka.

SURAH AL-BAQARAH (2: 97-98)

Selepas Allah SWT menyingkap sikap dan keinginan kaum Yahudi tentang kehidupan dunia ini, Allah SWT menyingkap pula sifat permusuhan mereka dengan salah satu daripada makhluknya dalam kalangan malaikat, iaitu Jibril AS. Firman-Nya:

قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَهُدًى وَبُشْرَىٰ
 لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٩٧﴾ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِلَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَرُسُلِهِ
 وَجِبْرِيلَ وَمِيكَالَ فَإِنَّ اللَّهَ عَدُوٌّ لِلْكَافِرِينَ ﴿٩٨﴾

Maksud: *Katakanlah (wahai Muhammad), "Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah, yang mengesahkan kebenaran kitab yang ada di hadapannya (yang diturunkan sebelumnya), serta menjadi petunjuk dan memberi khabar gembira kepada orang yang beriman." (97) Sesiapa memusuhi Allah (dengan mengingkari segala petunjuk dan perintah-Nya) dan memusuhi Malaikat-Nya dan Rasul-Nya, khususnya malaikat Jibril dan Mikail, (maka ia akan disiksa oleh Allah) kerana sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang kafir. (98)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 97-98)

Ibn al-Kathir (1999: 1/335) menyatakan bahawa Imam Ibn Jarir (2001: 2/377) menyatakan bahawa semua *abl al-‘ilmi* sepakat dengan takwil berikut, bahawa ayat ini diturunkan sebagai bantahan terhadap kaum Yahudi dalam kalangan Bani Israil. Hal ini kerana mereka menyatakan bahawa Malaikat Jibril adalah musuh mereka, sebaliknya pula Malaikat Mikail adalah teman mereka.

Imam Al-Bukhari (2001: 6/19) meriwayatkan berhubung dengan tafsir firman Allah SWT yang bermaksud, “*Sesiapa memusuhi Jibril.*” (Surah *al-Baqarah*, 2: 97). Menurut Ikrimah, lafaz *jibr* (جِبْر), *mik* (مِيكَ), dan *israf* (إِسْرَافٍ) semuanya *abd* (عَبْدٌ), iaitu ‘hamba’, sedangkan huruf *il* (إِلٌ) yang bersambung dengan nama-nama malaikat tersebut ertinya Allah SWT. Sebagian ulama menyatakan bahawa *il* ertinya *abd* (hamba), sedangkan kalimat yang lainnya ertinya nama Allah, mengingat nama *il* tidak berubah pada kesemua itu, maka wazannya sama dengan nama seperti Abdullah, Abd al-Rahman, Abd al-Malik, Abd al-Quddus, Abd al-Salam, Abd al-Kafi, dan Abd al-Jalil. Lafaz ‘Abd’ ada dalam semua nama tersebut, sedangkan nama yang *dimudafkan* kepadanya berbeza-beza. Hal yang sama terjadi pula pada lafaz Jabrail, Mikail, Azrail, Israfil, dan lain-lainnya yang sejenis. Akan tetapi, perlu diingat bahawa dalam bahasa Arab terdapat perbezaan, selalu mendahulukan *mudaf ilaih* daripada *mudaf*-nya.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/343) menjelaskan bahawa Ali bin al-Husain yang pernah menyatakan, “Tahukah kamu apakah persamaan nama Jabrail pada nama kamu?” Kami menjawab, “Tidak tahu.” Ali bin al-Husain menjawab, “Ialah Abdullah (hamba Allah), setiap nama yang diakhiri dengan kata *il* (ئِيلٌ) terjemahannya bererti Allah SWT.” Kemudian Imam Ibn Abi Hatim (1998: 968) mengungkap perkataan Abd al-‘Aziz bin Umair:

اسْمُ جِبْرِيلَ فِي الْمَلَائِكَةِ خَادِمُ اللَّهِ

Maksud: Nama Jabril dalam kalangan para malaikat ertinya pelayan Allah SWT.

(Ibn Abi Hatim)

Ibn Abu Hatim menyatakan bahawa beliau pernah menceritakan hadis ini kepada Abu Sulaiman al-Darani, maka Abu Sulaiman mengangguk-anggukkan kepalanya dan menyatakan, “Sesungguhnya hadis ini lebih aku sukai daripada segala sesuatu,” yang hal itu ia catat pada buku yang ada di tangannya.

Kemudian *ahl al-‘ilmi* berselisih pendapat mengenai penyebab yang membuatkan kaum Yahudi menyatakan kata-kata seperti itu. Menurut sebahagian mereka, sesungguhnya penyebab yang membuat mereka menyatakan kata-kata seperti itu hanyalah sewaktu terjadi dialog antara mereka dengan Rasulullah SAW mengenai perkara kenabian baginda SAW sebagaimana hadis berikut (Ahmad, 2001: 2471):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُ قَالَ: حَضَرْتُ عِصَابَةَ مِنَ الْيَهُودِ رَسُولَ
 اللَّهِ ﷺ، فَقَالُوا: «يَا أَبَا الْقَاسِمِ، حَدَّثْنَا عَنْ خِلَالٍ نَسَأَلُكَ
 عَنْهُمْ، لَا يَعْلَمُهُنَّ إِلَّا نَبِيُّ». فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «سَلُوا
 عَمَّا شِئْتُمْ، وَلَكِنْ اجْعَلُوا لِي ذِمَّةً وَمَا أَخَذَ يَعْقُوبُ عَلَى
 بَنِيهِ، لَئِنْ أَنَا حَدَّثْتُكُمْ شَيْئًا فَعَرَفْتُمُوهُ لَتَتَابِعُنِي عَلَى
 الْإِسْلَامِ». فَقَالُوا: «ذَلِكَ لَكَ». فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «سَلُونِي
 عَمَّا شِئْتُمْ». فَقَالُوا: «أَخْبِرْنَا عَنْ أَرْبَعٍ خِلَالٍ نَسَأَلُكَ عَنْهُنَّ:
 أَخْبِرْنَا أَيُّ الطَّعَامِ حَرَّمَ إِسْرَائِيلُ عَلَى نَفْسِهِ مِنْ قَبْلِ أَنْ

تُنَزَّلِ التَّوْرَةَ؟ وَأَخْبِرْنَا كَيْفَ مَاءَ الْمَرْأَةِ وَمَاءَ الرَّجُلِ؟ وَكَيْفَ
 يَكُونُ الذَّكَرُ مِنْهُ وَالْأُنْثَى؟ وَأَخْبِرْنَا بِهَذَا النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ فِي
 النَّوْمِ وَوَلِيِّهِ مِنَ الْمَلَائِكَةِ؟» فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:
 «عَلَيْكُمْ عَهْدُ اللَّهِ لَئِنْ أَنَا أَنْبَأْتُكُمْ لَتَتَابَعَنِي؟» فَأَعْطَوْهُ مَا
 شَاءَ اللَّهُ مِنْ عَهْدٍ وَمِيثَاقٍ. فَقَالَ: «نَشَدْتُكُمْ بِالَّذِي أَنْزَلَ
 التَّوْرَةَ عَلَى مُوسَى، هَلْ تَعْلَمُونَ أَنَّ إِسْرَائِيلَ يَعْقُوبَ مَرِيضَ
 مَرَضًا شَدِيدًا فَطَالَ سَقَمُهُ مِنْهُ، فَندَرَ لِلَّهِ نَدْرًا لَئِنْ عَافَاهُ اللَّهُ
 مِنْ سَقَمِهِ لِيُحَرِّمَنَّ أَحَبَّ الطَّعَامِ وَالشَّرَابِ إِلَيْهِ، وَكَانَ أَحَبُّ
 الطَّعَامِ إِلَيْهِ لَحُومَ الْإِبِلِ وَأَحَبُّ الشَّرَابِ إِلَيْهِ أَلْبَانَهَا؟»
 فَقَالُوا: «اللَّهُمَّ نَعَمْ.» فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «اللَّهُمَّ اشْهَدْ
 عَلَيْهِمْ. وَأَنْشَدُكُمْ بِاللَّهِ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ
 التَّوْرَةَ عَلَى مُوسَى، هَلْ تَعْلَمُونَ أَنَّ مَاءَ الرَّجُلِ أَبْيَضُ
 غَلِيظٌ، وَأَنَّ مَاءَ الْمَرْأَةِ أَصْفَرُ رَقِيقٌ، فَأَيُّهُمَا عَلَا كَانَ لَهُ الْوَلَدُ
 وَالشَّبَبَةُ بِإِذْنِ اللَّهِ، وَإِذَا عَلَا مَاءَ الرَّجُلِ مَاءَ الْمَرْأَةِ كَانَ الْوَلَدُ
 ذَكَرًا بِإِذْنِ اللَّهِ، وَإِذَا عَلَا مَاءَ الْمَرْأَةِ مَاءَ الرَّجُلِ كَانَ الْوَلَدُ
 أُنْثَى بِإِذْنِ اللَّهِ؟» قَالُوا: «اللَّهُمَّ نَعَمْ.» قَالَ: «اللَّهُمَّ اشْهَدْ.» قَالَ:

«وَأَنْشُدْكُمْ بِاللَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ التَّوْرَةَ عَلَى مُوسَى، هَلْ تَعْلَمُونَ أَنَّ هَذَا النَّبِيُّ الْأُمِّيُّ تَنَامُ عَيْنَاهُ وَلَا يَنَامُ قَلْبُهُ؟»
 قَالُوا: «اللَّهُمَّ نَعَمْ.» قَالَ: «اللَّهُمَّ اشْهَدْ.» قَالُوا: «أَنْتَ الْآنَ، فَحَدِّثْنَا مَنْ وَلِيَّكَ مِنَ الْمَلَائِكَةِ، فَعِنْدَهَا مُجَامِعُكَ أَوْ نُفَارِقُكَ.» قَالَ: «فَإِنَّ وَلِيَّيَّ جِبْرِيلَ، وَلَمْ يَبْعَثِ اللَّهُ نَبِيًّا قَطُّ إِلَّا وَهُوَ وَلِيُّهُ.» قَالُوا: «فَعِنْدَهَا نُفَارِقُكَ، لَوْ كَانَ وَلِيَّكَ سِوَاهُ مِنَ الْمَلَائِكَةِ تَابَعْنَاكَ وَصَدَّقْنَاكَ.» قَالَ: «مَا مَنَعَكُمْ أَنْ تُصَدِّقُوهُ؟» قَالُوا: «إِنَّهُ عَدُوَّنَا.» فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: (قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ) إِلَى قَوْلِهِ: (لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ) [الْبَقَرَةِ: 103/2] فَعِنْدَهَا بَأَوْوَا بِغَضَبٍ عَلَى غَضَبٍ.

Maksud: *Ibn 'Abbas yang menceritakan, "Segolongan kaum Yahudi datang kepada Rasulullah SAW, lalu mereka berkata, "Wahai Abu al-Qasim! Ceritakanlah kepada kami beberapa perkara yang akan kami tanyakan kepadamu. Perkara tersebut tiada yang mengetahuinya kecuali seorang nabi." Maka Rasulullah SAW menjawab, "Bertanyalah tentang semua yang kamu sukai, tetapi berjanjilah kamu kepadaku sebagaimana apa yang diambil oleh Ya'qub dari anak-anaknya, sebagai jaminan untukku. Jika aku benar-benar menceritakan kepada kamu tentang sesuatu hal, lalu kamu mengetahuinya, maka kamu benar-benar mahu mengikutiku dan masuk Islam?" Mereka menjawab, "Baiklah, kami ikuti kemahuanmu." Rasulullah SAW bersabda, "Bertanyalah kamu tentang apa yang kamu sukai." Mereka bertanya, "Ceritakanlah kepada kami tentang empat perkara yang akan kami*

ajukan sebagai pertanyaan kepadamu. Ceritakanlah kepada kami, makanan apakah yang diharamkan oleh Israil (Nabi Ya'qub) terhadap dirinya sebelum kitab Taurat diturunkan? Sebutkanlah kepada kami bagaimanakah rupa air mani laki-laki dan air mani perempuan, dan bagaimana boleh terjadi daripadanya anak laki-laki dan anak perempuan. Dan ceritakanlah kepada kami tentang nabi yang ummi dalam kitab Taurat, serta siapakah yang menjadi kekasihnya dalam kalangan para malaikat?" Nabi SAW menjawab, "Berjanjilah kamu atas nama Allah, jika aku dapat menceritakannya kepada kamu, maka kamu benar-benar akan mengikutiku." Maka mereka memberikan kepada Nabi SAW ikrar dan janjinya. Lalu Nabi SAW bersabda:, "Aku bertanya kepada kamu atas nama Tuhan Yang menurunkan Taurat kepada Musa, apakah kamu mengetahui bahawa Israil, iaitu Ya'qub pernah mengalami sakit keras yang memakan waktu cukup lama. Lalu ia bernazar kepada Allah, seandainya Allah SWT menyembuhkannya dari penyakit yang dideritanya itu, maka ia akan mengharamkan bagi dirinya makanan dan minuman yang paling ia sukai. Makanan yang paling ia sukai ialah daging unta, dan minuman yang paling disukainya ialah air susu unta." Mereka menjawab, "Ya Allah! Benar." Rasulullah SAW bersabda, "Ya Allah, persaksikanlah atas diri mereka. Aku mahu bertanya kepada kamu dengan nama Allah SWT yang tidak ada Tuhan selain Dia Yang menurunkan kitab Taurat kepada Musa. Apakah kamu mengetahui bahawa air mani laki-laki itu rupanya kental lagi putih, sedangkan air mani perempuan cair berwarna kuning. Maka mana sahaja antara keduanya yang dapat mengalahkan yang lain, maka kelak anaknya akan seperti dia dan mirip kepadanya dengan seizin Allah SWT. Apabila air mani laki-laki mengalahkan air mani perempuan, maka anaknya adalah laki-laki dengan seizin Allah SWT. Dan apabila air mani perempuan dapat mengalahkan air mani laki-laki, maka kelak anaknya bakal perempuan dengan seizin Allah SWT." Mereka menjawab, "Ya Allah! memang benar." Rasulullah SAW bersabda, "Ya Allah, persaksikanlah atas mereka. Dan aku bertanya kepada kamu, demi Allah SWT yang menurunkan kitab Taurat kepada Musa. Apakah kamu mengetahui bahawa nabi yang ummi ini kedua matanya tidur, tetapi hatinya tidak tidur?" Mereka menjawab, "Ya Allah! benar." Rasulullah SAW bersabda, "Ya Allah,

persaksikanlah atas mereka. "Mereka berkata, "Sekarang engkau harus menceritakan kepada kami siapakah kekasihmu dalam kalangan para malaikat. Jawaban inilah yang menentukan apakah kami akan bergabung denganmu atautkah berpisah denganmu." Rasulullah SAW menjawab, "Sesungguhnya kekasihku adalah Jibril, tidak sekali-kali Allah SWT mengutus seorang nabi melainkan dia selalu bersamanya." Mereka berkata, "Inilah yang menyebabkan kami berpisah denganmu. Seandainya kekasihmu itu selainnya dalam kalangan para malaikat, maka kami akan mengikuti dan percaya kepadamu." Rasulullah SAW bertanya, "Apakah gerangan yang mencegah kamu untuk percaya kepadanya?" Mereka menjawab, "Sesungguhnya dia adalah musuh kami." Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya, Katakanlah (wahai Muhammad), "Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah, yang mengesahkan kebenaran kitab yang ada di hadapannya (yang diturunkan sebelumnya) - sampai dengan firman-Nya - kalaulah mereka mengetahui. (102) (Surah al-Baqarah, 2: 97-101)." Maka saat itu mereka kembali dengan mendapat murka di atas kemurkaan yang ada pada bahu mereka.

(Ahmad)

Terdapat sedikit perbezaan dan penambahan di penghujung hadis ini dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Jarir (2001: 1489), iaitu:

عَنْ شَهْرِ بْنِ حَوْشِبٍ، فَذَكَرَهُ مُرْسَلًا وَزَادَ فِيهِ: قَالُوا: «فَأَخْبِرْنَا عَنِ الرُّوحِ. قَالَ: «أَنْشُدْكُمْ بِاللَّهِ وَبِأَيَّامِهِ عِنْدَ بَنِي إِسْرَائِيلَ، هَلْ تَعْلَمُونَ أَنَّهُ جِبْرِيلُ وَهُوَ الَّذِي يَأْتِينِي؟» قَالُوا: «نَعَمْ، وَلَكِنَّهُ لَنَا عَدُوٌّ، وَهُوَ مَلَكٌ إِنَّمَا يَأْتِي بِالشَّدَةِ وَسَفَكِ الدِّمَاءِ، فَلَوْلَا ذَلِكَ اتَّبَعْنَاكَ.» فَأَنْزَلَ اللَّهُ فِيهِمْ: (قُلْ

مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ (إِلَى قَوْلِهِ: (كَأَنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ) [البَقَرَة: ١٠١/٢].

Maksud: *Shahr bin Hausyab*, lalu ia mengetengahkannya secara mursal. Akan tetapi, dalam riwayatnya ini ditambahkan bahawa mereka (kaum Yahudi itu) bertanya, “Maka ceritakanlah kepada kami tentang al-Roh.” Lalu Rasulullah SAW menjawab, “Aku bertanya kepada kamu demi nama Allah SWT dan hari-hari-Nya bersama Bani Israil. Tahukah kamu bahawa al-Roh itu adalah Jibril, dialah yang selalu datang kepadaku” Mereka menjawab, “Ya Allah, benar, tetapi dia adalah musuh kami. Sesungguhnya dia adalah malaikat yang hanya mendatangkan kekerasan dan mengalirkan darah. Seandainya bukan dia, nescaya kami akan mengikutimu.” Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya, “Katakanlah! Barang siapa yang menjadi musuh Jibril — sampai dengan firman-Nya— kalau mereka mengetahui” (Surah al-Baqarah, 2: 97-101).

(Ibn Jarir)

Selain hadis ini, terdapat juga hadis lain yang diriwayatkan oleh Imam (Ahmad, 2001: 2483):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنه، قَالَ: أَقْبَلْتُ يَهُودُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم، فَقَالُوا: «يَا أَبَا الْقَاسِمِ إِنَّا نَسْأَلُكَ عَنْ خَمْسَةِ أَشْيَاءَ، فَإِنْ أَنْبَأْتَنَا بِهِنَّ، عَرَفْنَا أَنَّكَ نَبِيُّ وَاتَّبَعْنَاكَ، فَأَخَذَ عَلَيْهِمْ مَا أَخَذَ إِسْرَائِيلُ عَلَى بَنِيهِ، إِذْ قَالُوا: اللَّهُ عَلَى مَا نَقُولُ وَكَيْلٌ [يُوسُفَ، ٦٦: ١٢].» قَالَ: «هَاتُوا.» قَالُوا: «أَخْبَرْنَا عَنْ عَلَامَةٍ

النَّبِيِّ؟» قَالَ: «تَتَنَا عَيْنَاهُ، وَلَا يَنَامُ قَلْبُهُ.» قَالُوا: «أَخْبِرْنَا
كَيْفَ تُؤْتِي الْمَرْأَةَ، وَكَيْفَ تُذَكِّرُ؟» قَالَ: «يَلْتَقِي الْمَاءَانِ،
فَإِذَا عَلَا مَاءُ الرَّجُلِ مَاءَ الْمَرْأَةِ أَذْكَرْتُ، وَإِذَا عَلَا مَاءُ الْمَرْأَةِ
مَاءَ الرَّجُلِ آنَثْتُ.» قَالُوا: «أَخْبِرْنَا مَا حَرَّمَ إِسْرَائِيلُ عَلَى
نَفْسِهِ؟» قَالَ: «كَانَ يَشْتَكِي عِرْقَ النِّسَاءِ، فَلَمْ يَجِدْ شَيْئًا يُلَاقِيهِ
إِلَّا الْبَانَ كَذَا وَكَذَا - قَالَ أَبِي: «قَالَ بَعْضُهُمْ: «يَعْنِي
الْإِبِلَ.» - فَحَرَّمَ لِحُومَهَا.» قَالُوا: «صَدَقْتَ.» قَالُوا: «أَخْبِرْنَا
مَا هَذَا الرَّعْدُ؟» قَالَ: «مَلَكٌ مِنْ مَلَائِكَةِ اللَّهِ ﷻ مُوَكَّلٌ
بِالسَّحَابِ بِيَدِهِ - أَوْ فِي يَدِهِ - مَخْرَاقٌ مِنْ نَارٍ، يَزْجُرُ بِهِ
السَّحَابَ، يَسُوقُهُ حَيْثُ أَمَرَ اللَّهُ.» قَالُوا: «فَمَا هَذَا الصَّوْتُ
الَّذِي نَسْمَعُ؟» قَالَ: «صَوْتُهُ.» قَالُوا: «صَدَقْتَ، إِنَّمَا بَقِيَتْ
وَاحِدَةٌ وَهِيَ الَّتِي تُبَايِعُكَ إِنْ أَخْبَرْتَنَا بِهَا، فَإِنَّهُ لَيْسَ مِنْ نَبِيِّ
إِلَّا لَهُ مَلَكٌ يَأْتِيهِ بِالْخَبَرِ، فَأَخْبِرْنَا مَنْ صَاحِبُكَ؟ قَالَ:
«جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ.» قَالُوا: «جِبْرِيلُ ذَاكَ الَّذِي يَنْزِلُ
بِالْحَرْبِ وَالْقِتَالِ وَالْعَذَابِ عَدُوْنَا، لَوْ قُلْتَ: «مِيكَائِيلُ الَّذِي

يُنزِلُ بِالرَّحْمَةِ وَالتَّبَاتِ وَالْقَطْرِ، لَكَانَ.» فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ:
 (مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ) [البقرة: ١٠١/٢] إِلَى آخِرِ الْآيَةِ.

Maksud: Ibn ‘Abbas bercerita, “Kaum Yahudi menghadap kepada Rasulullah SAW, lalu mereka berkata, “Wahai Abul Qasim, ceritakanlah kepada kami tentang lima perkara kerana sesungguhnya jika engkau menceritakannya kepada kami, maka kami mengetahui bahawa engkau adalah seorang nabi dan kami akan mengikutimu.” Maka Nabi SAW mengambil janji terhadap mereka sebagaimana apa yang pernah diambil oleh Israil (Ya‘qub) terhadap anak-anaknya, iaitu ketika dia menyatakan, “Allah adalah saksi terhadap apa yang kita ucapkan (ini).” Rasul SAW bersabda, “Kemukakanlah oleh kamu.” Mereka bertanya, “Ceritakanlah kepada kami tentang pertanda nabi.” Rasulullah SAW menjawab, “Kedua matanya tertidur, tetapi hatinya tidak tidur.” Mereka bertanya, “Ceritakanlah kepada kami, bagaimanakah anak itu lahir perempuan dan bagaimanakah pula lahir laki-laki?” Rasulullah SAW menjawab, “Kedua air mani bertemu. Apabila air mani laki-laki mengalahkan air mani wanita, maka anaknya akan lahir lelaki. Dan apabila air mani perempuan mengalahkan air mani lelaki, maka anaknya akan perempuan.” Mereka bertanya, “Ceritakanlah kepada kami apa yang diharamkan oleh Israil (Nabi Ya‘qub) terhadap dirinya sendiri?” Rasulullah SAW menjawab, “Pada mulanya dia menderita suatu penyakit yang berat, maka dia tidak menemukan sesuatu yang lebih layak baginya (sebagai nazarnya jika ia sembuh) kecuali air susu ternak anu —Imam Ahmad menyatakan bahawa sebahagian dari mereka menyatakan, yang dimaksud adalah ternak unta— maka dia mengharamkan dagingnya (untuk dirinya sendiri).” Mereka berkata, “Engkau benar.” Mereka bertanya, “Ceritakanlah kepada kami apakah guruh itu?” Rasulullah SAW menjawab, “Salah satu malaikat Allah SWT yang ditugaskan untuk mengatur awan dengan kedua tangannya, atau di tangannya ia memegang sebuah cemeti api yang ia gunakan untuk mengiring awan menurut apa yang diperintahkan oleh Allah SWT.” Mereka bertanya, “Lalu apakah

suara yang biasa kita dengar dari guruh itu? Rasulullah SAW menjawab, "Suara malaikat itu." Mereka menjawab, "Engkau benar." Mereka berkata, "Sesungguhnya kini tinggal satu pertanyaan lagi yang menentukan apakah kami akan mengikutimu jika kamu dapat menceritakannya. Sesungguhnya tiada seorang nabi pun melainkan berteman dengan malaikat yang selalu datang kepadanya membawa kebaikan (wahyu). Maka ceritakanlah kepada kami, siapa teman malaikatmu itu? Rasul SAW menjawab, "Jibril AS" Mereka berkata, "Jibril, dia adalah malaikat yang selalu turun dengan membawa peperangan, pembunuhan, dan azab; dia adalah musuh kami. Seandainya engkau katakan Mikail yang biasa menurunkan rahmat, hujan, dan menumbuhkan tumbuhan, nescaya kami akan mengikutimu." Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya, "Katakanlah, 'Barang siapa yang menjadi musuh Jibril, maka Jibril itu menurunkannya (Al-Quran) ke dalam hatimu dengan seizin Allah'..., hingga akhir ayat," (Surah al-Baqarah, 2: 97).

(Ahmad)

Terdapat juga hadis yang berkaitan yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Jarir (2001: 1607):

عَنِ ابْنِ جُرَيْجٍ، قَالَ: «حَدَّثَنِي الْقَاسِمُ بْنُ أَبِي بَرَّةَ: «أَنَّ يَهُودَ، سَأَلُوا النَّبِيَّ ﷺ عَنْ صَاحِبِهِ الَّذِي يَنْزِلُ عَلَيْهِ بِالْوَحْيِ. قَالَ: «جِبْرِيلُ». قَالُوا: «فَإِنَّهُ لَنَا عَدُوٌّ، وَلَا يَأْتِي إِلَّا بِالشَّدَّةِ وَالْحَرْبِ وَالْقِتَالِ». فَتَزَلَّ: (قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ) الْآيَةَ.

Maksud: *Ibn Juraij menceritakan bahawa al-Qasim bin Abu Buzzah bercerita, "Bahawa kaum Yahudi bertanya kepada Nabi SAW tentang temannya yang biasa menurunkan wahyu kepadanya." Maka baginda SAW menjawab, "Jibrail" Mereka berkata, "Sesungguhnya dia adalah musuh kami. Tiada yang ia datangkan kecuali hanya perang, kekerasan,*

dan pembunuhan.” Lalu turunlah ayat berikut: “Katakanlah, 'Barang siapa yang menjadi musuh Jibril ..., hingga akhir ayat,' (Surah al-Baqarah, 2: 97).

(Ibn Jarir)

Selain itu, Imam Mujahid menceritakan hadis berikut pula bahawa kaum Yahudi berkata, “Hai Muhammad, tiada yang dibawa oleh Jibril melainkan hanya kekerasan, perang, dan pembunuhan. Sesungguhnya dia adalah musuh kami.” Maka turunlah ayat ini yang bermaksud, “Katakanlah (wahai Muhammad), “Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah...” sehingga akhir ayat. (Surah al-Baqarah, 2: 97).

Permusuhan kaum Yahudi terhadap Malaikat Jibril juga ada digambarkan oleh Sayyidina ‘Abdullah bin Salam dalam satu dialog antara beliau dengan Baginda Nabi SAW sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis berikut (Al-Bukhari, 2001: 3938):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: قَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَلَامٍ، بَلَّغَهُ مَقْدَمُ النَّبِيِّ
 ﷺ الْمَدِينَةَ فَأَتَاهُ يَسْأَلُهُ عَنْ أَشْيَاءَ، فَقَالَ: «إِنِّي سَأَلْتُكَ عَنْ
 ثَلَاثٍ لَا يَعْلَمُهُنَّ إِلَّا نَبِيُّي، مَا أَوَّلُ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ؟، وَمَا أَوَّلُ
 طَعَامٍ يَأْكُلُهُ أَهْلُ الْجَنَّةِ؟، وَمَا بَالُ الْوَلَدِ يَنْزِعُ إِلَى أَبِيهِ أَوْ إِلَى
 أُمِّهِ؟» قَالَ: «أَخْبَرَنِي بِهِ جِبْرِيلُ أَنْفَاءً.» قَالَ ابْنُ سَلَامٍ: «ذَلِكَ
 عَدُوُّ الْيَهُودِ مِنَ الْمَلَائِكَةِ.» قَالَ: «أَمَّا أَوَّلُ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ
 فَنَارٌ تَحْتُرُّهُمْ مِنَ الْمَشْرِقِ إِلَى الْمَغْرِبِ، وَأَمَّا أَوَّلُ طَعَامٍ

يَأْكُلُهُ أَهْلُ الْجَنَّةِ فَرِيادُهُ كَبِدِ الْحَوْتِ، وَأَمَّا الْوَالِدُ فَإِذَا سَبَقَ
 مَاءُ الرَّجُلِ مَاءَ الْمَرْأَةِ نَزَعَ الْوَالِدُ، وَإِذَا سَبَقَ مَاءُ الْمَرْأَةِ مَاءَ
 الرَّجُلِ نَزَعَتِ الْوَالِدَ. قَالَ: «أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّكَ
 رَسُولُ اللَّهِ.» قَالَ: «يَا رَسُولَ اللَّهِ: إِنَّ الْيَهُودَ قَوْمٌ بُهَّتْ
 فَاسْأَلُهُمْ عَنِّي، قَبْلَ أَنْ يَعْلَمُوا بِإِسْلَامِي.» فَجَاءَتِ الْيَهُودُ
 فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: «أَيُّ رَجُلٍ عَبَدَ اللَّهُ بِنُ سَلَامٍ فِيكُمْ؟»
 قَالُوا: «حَايِرْنَا وَابْنُ حَايِرِنَا، وَأَفْضَلْنَا وَابْنُ أَفْضَلِنَا.» فَقَالَ
 النَّبِيُّ ﷺ: «أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَسْلَمَ عَبْدُ اللَّهِ بِنُ سَلَامٍ.» قَالُوا:
 «أَعَادَهُ اللَّهُ مِنْ ذَلِكَ، فَأَعَادَ عَلَيْهِمْ»، فَقَالُوا: «مِثْلَ ذَلِكَ.»
 فَخَرَجَ إِلَيْهِمْ عَبْدُ اللَّهِ فَقَالَ: «أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ
 مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ.» قَالُوا: «شَرُّنَا وَابْنُ شَرِّنَا.» وَتَنَقَّصُوهُ، قَالَ:
 «هَذَا كُنْتُ أَخَافُ يَا رَسُولَ اللَّهِ.»

Maksud: Anas bin Malik menceritakan, “Abdullah bin Salam mendengar kedatangan Nabi SAW (di Madinah). Lalu beliau datang kepada Nabi SAW dan bertanya, “Sesungguhnya aku akan bertanya kepadamu tentang tiga perkara, tiada yang mengetahuinya kecuali seorang nabi. Apakah tanda hari kiamat itu? Apakah makanan yang mula-mula dimakan oleh ahli syurga? Dan apakah yang menyebabkan seorang anak mirip kepada ayahnya atau ibunya?” Nabi SAW menjawab, “Tadi Jibril baru sahaja menceritakannya kepadaku.” Abdullah bin Salam berkata, “Jibril?” Nabi SAW menjawab, “Ya.” Abdullah bin Salam

berkata, "Dia adalah musuh orang Yahudi dalam kalangan para malaikat." Maka Nabi SAW membacakan ayat ini yang bererti, "Barang siapa yang menjadi musuh Jibril, maka Jibril itu menurunkannya (al-Quran) ke dalam hatimu" (Surah al-Baqarah, 2: 97). Adapun pertanda hari kiamat ialah munculnya api yang menggiring manusia dari arah timur menuju ke arah barat. Adapun makanan yang mula-mula dimakan oleh ahli syurga, maka ia adalah lebihan dari hati ikan paus. Dan apabila air mani laki-laki mendahului air mani perempuan, maka si anak kelak akan menyerupainya. Dan apabila air mani perempuan mendahului air mani laki-laki, maka kelak anaknya akan mirip dengannya." Abdullah bin Salam berkata, "Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan (yang wajib disembah) selain Allah, dan bahawa engkau adalah utusan Allah SWT." Beliau berkata lagi, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya orang Yahudi itu adalah kaum yang suka mendustakan, dan sesungguhnya jika mereka mengetahui aku masuk Islam sebelum engkau bertanya kepada mereka, nanti mereka akan mendustakan diriku." Maka datanglah kaum Yahudi, dan Rasulullah SAW bersabda kepada mereka, "Apakah kedudukan Abdullah bin Salam antara kamu?" Mereka menjawab, "Dia orang terbaik dalam kalangan kami dan anak orang terbaik kami. Dia adalah penghulu kami dan anak penghulu kami." Nabi SAW bertanya, "Bagaimanakah menurut kamu jika dia masuk Islam!" Mereka menjawab, "Semoga Allah SWT menghindarkannya dari itu." Kemudian keluarlah Abdullah dan berkata, "Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah SWT dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah utusan Allah SWT." Maka mereka berkata, "Dia paling buruk antara kami, anak orang yang paling buruk dari kami" dan mereka terus mencelanya. Maka berkatalah Abdullah bin Salam, "Inilah yang aku khawatirkan, wahai Rasulullah."

(Al-Bukhari)

Cerita berkaitan dengan permusuhan kaum Yahudi dengan Jibril AS juga ada dinyatakan dalam satu athar sebagaimana berikut (Ibn Jarir, 2001: 1608):

عَنِ الشَّعْبِيِّ قَالَ: «نَزَلَ عُمَرُ الرَّوْحَاءَ، فَرَأَى رَجُلًا يَبْتَدِرُونَ أَحْبَارًا يُصَلُّونَ إِلَيْهَا، فَقَالَ: «مَا بَالُ هَؤُلَاءِ؟» قَالُوا: «يَزْعُمُونَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ صَلَّى هَاهُنَا.» قَالَ: «فَكَفَرَ ذَلِكَ.» وَقَالَ: «إِنَّمَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَذْرَكْتُهُ الصَّلَاةَ بِوَادٍ صَلَّاهَا ثُمَّ ارْتَحَلَ، فَتَرَكَهُ.» ثُمَّ أَنْشَأَ يُحَدِّثُهُمْ، فَقَالَ: «كُنْتُ أَشْهَدُ الْيَهُودَ يَوْمَ مِدْرَاسِهِمْ فَأَعْجَبُ مِنَ التَّوْرَةِ كَيْفَ تُصَدِّقُ الْفُرْقَانَ وَمِنَ الْفُرْقَانِ كَيْفَ يُصَدِّقُ التَّوْرَةَ؟» فَبَيْنَمَا أَنَا عِنْدَهُمْ ذَاتَ يَوْمٍ، قَالُوا: «يَا ابْنَ الْخَطَّابِ، مَا مِنْ أَصْحَابِكَ أَحَدٌ أَحَبُّ إِلَيْنَا مِنْكَ.» قُلْتُ: «وَلِمَ ذَلِكَ؟» قَالُوا: «إِنَّكَ تَعُشَانَا وَتَأْتِينَا.» فَقُلْتُ: «إِنِّي آتِيكُمْ فَأَعْجَبُ مِنَ الْفُرْقَانِ كَيْفَ يُصَدِّقُ التَّوْرَةَ، وَمِنَ التَّوْرَةِ كَيْفَ تُصَدِّقُ الْفُرْقَانَ.» قَالَ: «وَمَرَّ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فَقَالُوا: «يَا ابْنَ الْخَطَّابِ، ذَاكَ صَاحِبُكُمْ فَالْحَقُّ بِهِ.» قَالَ: «فَقُلْتُ لَهُمْ عِنْدَ ذَلِكَ: «نَشَدْتُكُمْ بِاللَّهِ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ، وَمَا اسْتَرَعَاكُمْ مِنْ حَقِّهِ وَاسْتَوَدَّعَكُمْ مِنْ كِتَابِهِ: أَتَعْلَمُونَ أَنَّهُ رَسُولُ اللَّهِ؟» قَالَ: «فَسَكَتُوا.» فَقَالَ لَهُمْ عَالِمُهُمْ وَكَبِيرُهُمْ: «إِنَّهُ قَدْ غَلَّظَ عَلَيْكُمْ فَأَجِيبُوهُ.» فَقَالُوا: «فَأَنْتَ عَالِمُنَا وَكَبِيرُنَا فَأَجِبْهُ أَنْتَ.» قَالَ: «أَمَا إِذْ

نَشَدْتَنَا بِمَا نَشَدْتَنَا بِهِ فَإِنَّا نَعْلَمُ أَنَّهُ رَسُولُ اللَّهِ. قَالَ: «قُلْتُ:
 «وَيَحْكُمُ فَأَيُّ هَلَكُوتُمْ؟» قَالُوا: «إِنَّا لَمْ نَهْلِكْ [قَالَ]: قُلْتُ:
 «كَيْفَ ذَلِكَ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ أَنَّهُ رَسُولُ اللَّهِ [ثُمَّ] وَلَا تَتَّبِعُونَهُ
 وَلَا تُصَدِّقُونَهُ؟» قَالُوا: «إِنَّ لَنَا عَدُوًّا مِنَ الْمَلَائِكَةِ وَسَلْمًا
 مِنَ الْمَلَائِكَةِ، وَإِنَّهُ فُرِنَ بِبُنُوتِهِ عَدُوًّا مِنَ الْمَلَائِكَةِ.»
 قَالَ: «قُلْتُ: «وَمَنْ عَدُوُّكُمْ وَمَنْ سَلِمُكُمْ؟» قَالُوا: «عَدُوُّنَا
 جِبْرِيلُ، وَسَلْمُنَا مِيكَائِيلُ.» قَالَ: «قُلْتُ: «وَفِيْمَ عَادَيْتُمْ
 جِبْرِيلَ، وَفِيْمَ سَأَلْتُمْ مِيكَائِيلَ؟» قَالُوا: «إِنَّ جِبْرِيلَ مَلَكُ
 الْفِطَاظَةِ وَالْعِظَّةِ وَالْإِعْسَارِ وَالتَّشْدِيدِ وَالْعَدَابِ وَنَحْوِ
 هَذَا، وَإِنَّ مِيكَائِيلَ مَلَكُ الرَّأْفَةِ وَالرَّحْمَةِ وَالتَّخْفِيفِ وَنَحْوِ
 هَذَا.» قَالَ: «قُلْتُ: «وَمَا مَنَزِلَتُهُمَا مِنْ رَبِّهِمَا عَزَّ وَجَلَّ؟»
 قَالُوا: «أَحَدُهُمَا عَنْ يَمِينِهِ وَالْآخَرُ عَنْ يَسَارِهِ.» قَالَ: «قُلْتُ:
 «فَوَ [اللَّهِ] الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ، إِنَّهُمَا وَالَّذِي بَيْنَهُمَا لَعَدُوٌّ لِمَنْ
 عَادَاهُمَا وَسَلَّمٌ لِمَنْ سَأَلَهُمَا وَمَا يَنْبَغِي لِجِبْرِيلَ أَنْ يُسَالِمَ
 عَدُوَّ مِيكَائِيلَ وَمَا يَنْبَغِي لِمِيكَائِيلَ أَنْ يُسَالِمَ عَدُوَّ جِبْرِيلَ.»
 ثُمَّ قُمْتُ فَاتَّبَعْتُ النَّبِيَّ ﷺ فَلَحِقْتُهُ وَهُوَ خَارِجٌ مِنْ حَوْخَةِ

لِبَنِي فُلَانٍ، فَقَالَ: «يَا ابْنَ الْحَطَّابِ، أَلَا أَقْرَبَكَ آيَاتِ نَزَلَنَ قَبْلُ؟». فَقَرَأَ عَلَيَّ: (مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ) حَتَّى قَرَأَ هَذِهِ الْآيَاتِ. قَالَ: «قُلْتُ: يَا بِي وَأُمِّي يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ لَقَدْ جِئْتُ وَأَنَا أُرِيدُ أَنْ أُخْبِرَكَ، فَاسْمَعْ اللَّطِيفَ الْخَبِيرَ قَدْ سَبَقَنِي إِلَيْكَ بِالْخَبَرِ.»

Maksud: *Al-Sya'bi* yang menceritakan, *Sayyidina 'Umar* turun istirahat di *Rawha*, ia melihat banyak kaum lelaki berebutan menuju ke bebatuan yang akan mereka pakai untuk tempat solat. Ia berkata, “Apakah gerangan yang mereka lakukan itu?” Mereka berkata, “Mereka menduga bahawa Rasulullah SAW pernah melakukan solat di tempat tersebut.” Maka *Umar bin al-Khattab* mengingkarinya dan menyatakan, “Bila masa pula Rasulullah SAW menjumpai waktu solat di lembah mana pun, beliau solat di tempat itu, kemudian pergi meninggalkannya.” Kemudian *Umar* menceritakan sebuah hadis kepada mereka (kaum Muslimin), “Dahulu aku sering menyaksikan kaum Yahudi pada hari kebaktian mereka, aku merasa kagum terhadap kitab *Taurat* kerana kitab itu membenarkan *al-Quran*. Aku kagum pula terhadap *al-Quran* yang juga membenarkan kitab *Taurat*. Ketika di suatu hari aku berada antara mereka, mereka berkata, “Hai *Ibn al-Khattab*, tiada seorangpun antara temanmu yang paling aku senangi selain engkau sendiri.” Aku bertanya, “Mengapa demikian?” Mereka menjawab, “Kerana engkau sering berkumpul dengan kami dan selalu datang kepada kami.” Aku menjawab, “Aku selalu datang kepada kamu kerana aku merasa kagum kepada *al-Quran*, bagaimana kitab itu membenarkan kitab *Taurat*. Begitu juga aku kagum pula kepada *Taurat*, bagaimana kitab itu membenarkan *al-Quran*.” Mereka berkata, “(Pada ketika itu itu Rasulullah SAW melalu kami) dan mereka berkata,

“Hai Ibn al-Khattab, itulah sahabatmu, maka sertailah dengannya.” Perawi melanjutkan kisahnya, “Maka aku berkata kepada mereka pada saat itu juga, “Aku meminta kepada kamu demi nama Allah SWT Yang tiada Tuhan selain Dia, dan demi apa yang kamu pelihara dari hak-Nya serta demi apa yang dinyatakan kepada kamu dari kitabnya, apakah kamu mengetahui bahawa dia adalah utusan Allah?” Perawi melanjutkan kisahnya bahawa mereka diam, tidak menjawab. Lalu salah seorang yang paling alim dalam kalangan mereka —yang juga sebagai pembesar mereka— menyatakan, “Sesungguhnya hal itu terasa berat bagi kamu, tetapi kamu harus menjawabnya.” Ternyata mereka balik bertanya, “Engkau adalah orang yang paling alim dan paling terhormat dalam kalangan kami, jawablah olehmu sendiri.” Ia berkata, “Apabila kamu meminta kepadaku seperti apa yang kamu minta, maka sesungguhnya aku mengetahui bahawa beliau adalah utusan Allah SWT.” Aku (Umar) berkata, “Celakalah kamu, kalau demikian kamu akan binasa.” Mereka menjawab, “Sesungguhnya kami masih belum binasa.” Aku (Umar) berkata, “Mengapa boleh terjadi, kamu mengetahui bahawa dia adalah utusan Allah, sedangkan kamu tidak mahu mengikutinya, tidak pula percaya kepadanya?” Mereka menjawab, “Sesungguhnya kami mempunyai musuh dalam kalangan para malaikat, juga mempunyai teman dalam kalangan mereka. Sesungguhnya dia ditemani dalam kenabiannya oleh musuh kami dalam kalangan para malaikat.” Aku bertanya, “Siapakah musuh dan teman kamu itu?” Mereka menjawab, “Musuh kami adalah Jibril, dan teman kami adalah Mikail.” Mereka menyatakan, “Sesungguhnya Jibril adalah malaikat yang bengis, kasar, sulit, keras, dan tukang menyiksa atau hal yang semisal dengan itu. Sesungguhnya Mikail adalah malaikat rahmat, lembut lagi ringan atau hal yang semacam itu.” Aku bertanya, “Apakah kedudukan keduanya di sisi Tuhan?” Mereka menjawab, “Salah seorang darinya berada di sebelah kanan-Nya dan yang lainnya berada di sebelah kiri-Nya.” Maka aku berkata, “Demi Tuhan yang tiada Tuhan selain Dia, sesungguhnya kedua-duanya dan Tuhan yang mereka berdua berada di kedua sisi-Nya benar-benar memusuhi orang yang memusuhi keduanya dan berdamai dengan orang yang damai dengan kedua-duanya. Tidak layak bagi Malaikat Jibril berdamai dengan musuh Malaikat Mikail, dan tidak layak pula bagi Mikail berdamai dengan musuh Malaikat Jibril.”

Kemudian aku bangkit dan mengikuti Nabi SAW hingga aku dapat menyusulnya. Pada ketika itu baginda baru keluar dari rumah kecil Bani Fulan, lalu baginda SAW bersabda, “Hai Ibn al-Khattab, mabukah aku bacakan kepadamu beberapa ayat yang baru sahaja diturunkan kepadaku?” Kemudian baginda SAW membacakan ayat berikut kepadaku, iaitu yang bererti, “Barang siapa yang menjadi musuh Jibril, maka Jibril memurukannya (al-Quran) ke dalam hati kamu dengan seizin Allah SWT. (Surah al-Baqarah, 2: 97). Baginda SAW membaca pula beberapa ayat sesudahnya. Aku berkata, “Ayah dan ibuku kujadikan sebagai tebusanmu, wahai Rasulullah! Demi Tuhan Yang mengutusmu dengan hak, sesungguhnya aku sendiri datang untuk menceritakan hal itu kepadamu, tetapi aku mendengar bahawa Tuhan Yang Maha Lembut lagi Maha Pemberitahu mendahuluike kepadamu dengan membawa kebaikan.”

(Ibn Jarir)

Sementara itu, Imam Ibn Abi Hatim (1998: 960) pula meriwayatkan satu athar seperti berikut pula:

عَنْ عَامِرٍ قَالَ: انْطَلَقَ عُمَرُ إِلَى الْيَهُودِ: فَقَالَ: «إِنِّي أَنْشِدُكُمْ
بِالَّذِي أَنْزَلَ التَّوْرَةَ عَلَى مُوسَى هَلْ تَجِدُونَ مُحَمَّدًا فِي كُتُبِكُمْ؟»
قَالُوا: «نَعَمْ: فَمَا يَمْنَعُكُمْ أَنْ تَتَّبِعُوهُ؟» قَالُوا: «إِنَّ اللَّهَ لَمْ
يَبْعَثْ رَسُولًا إِلَّا جَعَلَ لَهُ مِنَ الْمَلَائِكَةِ كِفْلًا، وَإِنَّ جِبْرِيْلَ
كِفْلٌ مُحَمَّدٍ وَهُوَ الَّذِي يَأْتِيهِ، وَهُوَ عَدُوْنَا مِنَ الْمَلَائِكَةِ،
وَمِيكَائِيلُ سَلْمَنَا، لَوْ كَانَ مِيكَائِيلُ هُوَ الَّذِي يَأْتِيهِ، أَسَلَمْنَا.»
قَالَ: «فَإِنِّي أَنْشِدُكُمْ بِاللَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ التَّوْرَةَ عَلَى مُوسَى مَا

نَزَلْتُهُمَا مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ؟» قَالُوا: «جِبْرِيلُ عَنْ يَمِينِهِ،
 وَمِيكَائِيلُ عَنْ شِمَالِهِ.» فقال عمر: «وإن أشهد ما ينزلان إلا
 بإذن الله، وما كان ميكَائِيلُ لِيُسَالِمَ عَدُوَّ جِبْرِيلَ، وما كان
 جِبْرِيلُ لِيُسَالِمَ عَدُوَّ مِيكَائِيلَ فَبَيْنَمَا هُوَ عِنْدَهُمْ إِذْ مَرَّ النَّبِيُّ
 ﷺ، فَقَالُوا «هَذَا صَاحِبُكَ يَا ابْنَ الحُطَّابِ.» فَقَامَ إِلَيْهِ عُمَرُ
 فَأَتَاهُ وَقَدْ أَنْزَلَ اللهُ عَلَيْهِ (مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِلَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ
 وَرُسُلِهِ وَجِبْرِيلَ وَمِيكَالَ فَإِنَّ اللهَ عَدُوٌّ لِلْكَافِرِينَ).

Maksud: Amir yang menceritakan bahwa sahabat Umar berangkat menuju kepada kaum Yahudi, lalu berkata, “Aku meminta kepada kamu dengan nama Tuhan Yang menurunkan kitab Taurat kepada Musa. Apakah kamu menemukan Muhammad dalam kitab kamu?” Mereka menjawab, “Ya.” Umar bertanya, “Apakah gerangan yang menghalangi kamu untuk mengikutinya?” Mereka menjawab, “Sesungguhnya Allah SWT tidak sekali-kali mengutus seorang rasul melainkan menjadikan baginya teman dalam kalangan para malaikat. Sesungguhnya Jibril adalah teman Muhammad, dialah yang selalu datang kepadanya. Tetapi dia adalah malaikat yang menjadi musuh kami, sedangkan Malaikat Mikail adalah teman kami. Seandainya Mikail yang selalu datang kepadanya, nescaya kami masuk Islam.” Umar RA berkata, “Sesungguhnya aku bertanya kepada kamu dengan nama Allah SWT yang menurunkan kitab Taurat kepada Musa, apakah kedudukan kedua-duanya di sisi Allah SWT?” Mereka menjawab, “Jibril berada di sebelah kanan-Nya dan Mikail berada di sebelah kiri-Nya.” Umar berkata, “Sesungguhnya aku bersaksi bahwa keduanya tidak akan turun (ke bumi) kecuali dengan izin Allah, dan Mikail tidak akan berdamai dengan musuh Jibril, Jibril tidak akan berdamai dengan musuh Mikail.” Ketika Umar berada bersama mereka (kaum Yahudi),

tiba-tiba Nabi SAW melewati mereka, lalu mereka berkata, “Inilah temanmu, hai Ibn al-Khattab.” Maka Umar bangkit menuju ke arah Baginda SAW dan datang menghadap kepadanya, sedangkan ketika itu Allah SWT menurunkan firman-Nya yang bermaksud, “Sesiapa memusuhi Allah (dengan mengingkari segala petunjuk dan perintah-Nya) dan memusuhi Malaikat-Nya dan Rasul-Nya, khasnya malaikat Jibril dan Mikail, (maka ia akan disiksa oleh Allah) kerana sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang kafir. (Surah al-Baqarah, 2: 98)

(Ibn Abi Hatim)

Imam Ibn Jarir (2001: 1610) juga meriwayatkan daripada Sayidina Qatadah yang menceritakan:

ذُكِرَ لَنَا أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ انْطَلَقَ ذَاتَ يَوْمٍ إِلَى الْيَهُودِ. فَلَمَّا
أَبْصَرُوهُ رَحَبُوا بِهِ، فَقَالَ لَهُمْ عُمَرُ: أَمَا وَاللَّهِ مَا جِئْتُ لِحُبِّكُمْ
وَلَا لِلرَّغْبَةِ فِيكُمْ، وَلَكِنْ جِئْتُ لِأَسْمَعَ مِنْكُمْ. فَسَأَلَهُمْ
وَسَأَلُوهُ. فَقَالُوا: مَنْ صَاحِبُ صَاحِبِكُمْ؟ فَقَالَ لَهُمْ: جِبْرِيلُ.
فَقَالُوا: ذَاكَ عَدُوْنَا مِنْ أَهْلِ السَّمَاءِ، يُطَلَعُ مُحَمَّدًا عَلَى سِرِّنَا،
وَإِذَا جَاءَ جَاءَ الْحَرْبُ وَالسَّنَّةُ، وَلَكِنْ صَاحِبُ صَاحِبِنَا
مِيكَائِيلُ، وَكَانَ إِذَا جَاءَ جَاءَ الْحِصْبُ وَالسَّلْمُ. فَقَالَ لَهُمْ
عُمَرُ: هَلْ تَعْرِفُونَ جِبْرِيلَ وَتُنْكِرُونَ مُحَمَّدًا ﷺ؟ فَفَارَقَهُمْ
عُمَرُ عِنْدَ ذَلِكَ وَتَوَجَّهَ نَحْوَ النَّبِيِّ ﷺ، يُحَدِّثُهُ حَدِيثَهُمْ،

فَوَجَدَهُ قَدْ أَنْزَلَتْ عَلَيْهِ هَذِهِ الْآيَةُ: (قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا
لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ).

Maksud: Diceritakan kepada kami bahawa di suatu hari Umar Ibn al-Khattab pernah berangkat menuju tempat kaum Yahudi. Ketika ia sampai dalam kalangan mereka, mereka menyambutnya dengan sambutan yang hangat. Maka Umar RA berkata kepada mereka, "Ingatlah, demi Allah, tidak sekali-kali aku datang kepada kamu kerana terdorong suka kepada kamu, tidak pula kerana berharap kepada kamu, tetapi aku datang kepada kamu untuk mendengar langsung dari kamu." Lalu Umar bertanya kepada mereka, dan mereka bertanya kepadanya, "Siapakah teman kamu dari kalangan malaikat?" Umar menjawab, "Jibril." Mereka berkata, "Dia adalah musuh kami dalam kalangan penduduk langit, dialah yang memperlihatkan kepada Muhammad rahsia kami. Apabila ia datang, maka yang didatangkannya adalah peperangan dan kelaparan. Tetapi teman kami adalah Mikail; apabila dia datang, yang didatangkannya adalah kesuburan dan kedamaian." Umar berkata kepada mereka, "Mengapa kamu mengakui Jibril, tetapi mengingkari Muhammad SAW?" Sejak saat itu Umar pergi meninggalkan mereka dan menuju ke arah Nabi SAW untuk menceritakan kepada beliau apa yang diceritakan oleh mereka. Tetapi ternyata ia menjumpai beliau dalam keadaan menerima wahyu ayat berikut: Katakanlah, "Barang siapa yang menjadi musuh Jibril, maka Jibril itu menurunkannya (Al-Quran) ke dalam hatimu dengan seizin Allah SWT (Surah al-Baqarah, 2: 97) hingga beberapa ayat sesudahnya.

(Ibn Jarir)

Imam Ibn Abi Hatim (1998: 961) meriwayatkan daripada Abd al-Rahman bin Abu Laila sebagaimana athar berikut:

أَنَّ يَهُودِيًّا لَقِيَ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ، فَقَالَ: إِنَّ جِبْرِيْلَ الَّذِي
يَذْكُرُ صَاحِبِكُمْ عَدُوًّا لَنَا. قَالَ: فَقَالَ عُمَرُ: (مَنْ كَانَ عَدُوًّا
لِلَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَرُسُلِهِ وَجِبْرِيْلَ وَمِيكَالَ فَإِنَّ اللَّهَ عَدُوٌّ
لِلْكَافِرِينَ) قَالَ: فَنَزَلَتْ عَلَى لِسَانِ عُمَرَ ابْنِ الْخَطَّابِ.

Maksud: Seorang Yahudi menemui sahabat Umar Ibn al-Khattab, lalu orang Yahudi itu berkata, "Sesungguhnya Jibril yang disebut oleh teman kamu (Nabi Muhammad SAW) adalah musuh kami." Maka sahabat Umar RA membacakan firman-Nya: Barang siapa yang menjadi musuh Allah, malaikat-Nya, rasul-Nya, Jibril, dan Mikail, maka sesungguhnya Allah SWT adalah musuh orang kafir. (Surah al-Baqarah, 2: 98).

(Ibn Abi Hatim)

Dengan kata lain, ayat ini (Surah al-Baqarah, 2: 98) diturunkan bertepatan dengan perkataan yang dikatakan oleh lisan sahabat Umar RA.

Perkataan lain yang diperkatakan oleh kaum Yahudi terhadap Jibril diriwayatkan oleh daripada Ibn Abu Laila pula (Ibn Jarir, 2001: 1615):

قَالَتِ الْيَهُودُ لِلْمُسْلِمِينَ: لَوْ أَنَّ مِيكَائِيلَ كَانَ الَّذِي يَنْزِلُ عَلَيْكُمْ
اتَّبَعْنَاكُمْ، فَإِنَّهُ يَنْزِلُ بِالرَّحْمَةِ وَالْغَيْثِ، وَإِنَّ جِبْرِيْلَ يَنْزِلُ
بِالْعَذَابِ وَالتَّقْمَةِ، فَإِنَّهُ لَنَا عَدُوٌّ قَالَ: فَنَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ.

Maksud: Kaum Yahudi berkata kepada kaum Muslim, "Seandainya malaikat yang turun kepada kamu adalah Mikail, nescaya kami akan mengikutimu. kerana sesungguhnya Malaikat Mikail itu selalu turun membawa rahmat dan hujan, dan sesungguhnya Jibril

selalu turun membawa azab dan pembalasan. Sesungguhnya dia adalah musuh kami.” Ibn Jarir menyatakan lalu turunlah ayat ini.

(Ibn Jarir)

Sedangkan athar yang dikeluarkan oleh Qatadah pula menyebut perkataan Kaum Yahudi tentang Jibril seperti berikut (Ibn Jarir, 2001: 1612):

إِنَّ جِبْرِيْلَ عَدُوْنَا، لِأَنَّهُ يَنْزِلُ بِالشَّدَّةِ وَالسَّتَةِ، وَإِنَّ مِيكَائِيْلَ
يَنْزِلُ بِالرَّخَاءِ وَالْعَافِيَةِ وَالْخِصْبِ، فَجِبْرِيْلُ عَدُوْنَا. فَقَالَ اللهُ
تَعَالَى: (مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيْلَ)

Maksud: Sesungguhnya Jibril adalah musuh kami, kerana sesungguhnya dia turun hanya dengan membawa kekerasan dan kelaparan. Dan sesungguhnya Mikail selalu turun membawa kemakmuran, kesihatan, dan kesuburan. Jabrail adalah musuh kami.” Lalu Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Sesiapa memusuhi Jibril...”

(Ibn Jarir)

Kemudian Allah SWT menjelaskan hakikat sebenar Malaikat Jibril, iaitu mereka bukanlah seperti yang digambarkan oleh kaum Yahudi. Allah SWT berfirman:

قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيْلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ، عَلَى قَلْبِكَ
بِإِذْنِ اللهِ

Maksud: *Katakanlah (wahai Muhammad), "Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 97)

Ayat ini bermaksud bahawa barang siapa yang memusuhi Malaikat Jabrail, ketahuilah bahawa dia adalah Roh (malaikat) yang bersifat al-Amin (yang dipercayai oleh Allah SWT). Dialah yang membawa turun al-Quran yang bijaksana ke dalam hati Nabi Muhammad SAW dari Allah SWT dengan seizin-Nya. Dia adalah utusan Allah SWT dalam kalangan para malaika. Oleh itu, barang siapa yang memusuhi utusan Allah SWT, bererti dia memusuhi semua utusan-Nya. Sama halnya orang yang beriman kepada seorang Rasul Allah SWT, maka dia juga pasti beriman kepada semua rasul-Nya. Sebaliknya pula, sebagaimana seseorang yang kafir kepada seorang Rasul Allah SWT, bererti dia juga kafir kepada semua Rasul-Nya. Kenyataan ini sama maknanya seperti yang terkandung dalam firman-Nya yang berikut, iaitu:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۖ وَيُرِيدُونَ أَنْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ اللَّهِ
 وَرُسُلِهِ ۖ وَيَقُولُونَ نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُونَ
 أَنْ يَتَّخِذُوا بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا ﴿١٥٠﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ حَقًّا
 وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٥١﴾ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ
 وَرُسُلِهِ ۖ وَلَمْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ أُولَٰئِكَ سَوْفَ
 يُؤْتِيهِمْ أَجْرَهُمُ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٥٢﴾

Maksud: *Sesungguhnya orang yang kufur ingkar kepada Allah dan Rasul-Nya, dan (orang yang) hendak membeza-bezakan iman mereka antara Allah dan Rasul-Nya, dan (orang yang) berkata, “Kami beriman kepada setengah Rasul itu dan kufur ingkar kepada setengahnya yang lain,” serta bertujuan hendak mengambil jalan lain antara iman dan kufur itu. (150) Mereka itulah orang yang kafir dengan sebenar-benarnya. Dan Kami menyediakan bagi orang kafir itu azab seksa yang menghina. (151) Dan orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan mereka pula tidak membeza-bezakan (imannya terhadap) seseorang pun antara Rasul itu, (maka) mereka yang demikian, Allah akan memberi mereka pahala mereka. Dan (ingatlah) adalah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (152)*

(Surah *al-Nisa'*, 4: 150-152)

Ayat ini memutuskan bahawa mereka sebagai orang kafir yang sebenar jika mereka beriman kepada sebahagian para rasul dan kafir kepada sebahagian yang lainnya. Demikian pula perihal orang yang memusuhi Malaikat Jibril, sesungguhnya orang tersebut adalah musuh Allah SWT. Dikatakan demikian kerana sesungguhnya tidak sekali-kali Malaikat Jibril turun dengan membawa perintah dari dirinya sendiri, melainkan dia turun dengan membawa perintah Tuhannya, seperti yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَمَا نَزَّلُ إِلَّا بِأَمْرِ رَبِّي لَهُ مَا يَشَاءُ وَمَا يُغْنِي عَنْهُ كُتُوبُهُ وَمَا يَأْتِيهِ بِالْبَيِّنَاتِ
وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا

Maksud: *Dan (berkatalah malaikat), “Kami tidak turun dari semasa ke semasa melainkan dengan perintah Tuhanmu (wahai Muhammad). Dia lah jua yang menguasai serta mentadbirkan apa yang di hadapan*

kita dan apa yang di belakang kita serta apa yang di antara itu dan tiadalah Tuhanmu itu lupa. (64)

(Surah *Maryam*, 19: 64)

Kenyataan yang sama makna dalam firman-Nya yang lain:

وَأَنذَرْتَهُمْ وَلِتَنْزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٩٤﴾ نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٩٣﴾ عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾

Maksud: *Dan sesungguhnya al-Quran (yang antara isinya kisah yang tersebut) adalah diturunkan oleh Allah Tuhan sekalian alam. (192) Ia dibawa turun oleh malaikat Jibril yang amanah. (193) Ke dalam hatimu, supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang dari pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia). (194)*

(Surah *al-Syu'ara*, 26: 192-194)

Kenyataan ayat diperkukuhkan lagi dengan hadis yang diriwayakan oleh Imam (Al-Bukhari, 2001: 6502):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ اللَّهَ قَالَ: مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya Allah berfirman, "Barang siapa yang memusuhi kekasihku, bererti dia menantang-Ku terang-terangan untuk berperang."*

(Al-Bukhari)

Oleh kerana itu, Allah SWT murka terhadap setiap orang yang memusuhi Malaikat Jibril AS. Ringkasnya, tafsiran yang lebih detail dalam firman Allah SWT berikut:

مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ
بِإِذْنِ اللَّهِ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ

Maksud: *Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah, yang mengesahkan kebenaran kitab yang ada di hadapannya (yang diturunkan sebelumnya).*

(Surah al-Baqarah, 2: 97-98)

ada dijelaskan oleh Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/341) bahawa perkataan, *lima bayna yadaih* (لَمَّا بَيْنَ يَدَيْهِ), iaitu *kitab sebelumnya*. Perkataan *hudan* (هُدًى) pula ialah “petunjuk bagi hati mereka. Manakala perkataan *bushra* (بُشْرَى) ialah “berita gembira bagi mereka bahawa mereka akan dimasukkan ke dalam syurga. Dan al-Quran itu tiada lain hanyalah bagi orang Mukmin, seperti yang disebutkan oleh firman lainnya, iaitu:

وَلَوْ جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا لَقَالُوا لَوْلَا فُصِّلَتْ آيَاتُهُ
ءَأَعْجَمِيٌّ وَعَرَبِيٌّ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا هُدًى وَبُشْرَىٰ وَالَّذِينَ لَا

يُؤْمِنُونَ فِي آذَانِهِمْ وَقُرُّ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى أُولَٰئِكَ

يُنَادُونَ مِنْ مَّكَانٍ بَعِيدٍ ﴿٤٤﴾

Maksud: Dan kalaulah al-Quran itu Kami jadikan (bacaan) dalam bahasa asing, tentulah mereka akan berkata: "Mengapa tidak dijelaskan ayatnya (dalam bahasa yang kami fahami)? Patutkah Kitab itu berbahasa asing sedang Rasul yang membawanya berbangsa Arab?" Katakanlah (wahai Muhammad), "Al-Quran itu, menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang yang beriman; dan sebaliknya orang yang tidak beriman, (al-Quran itu) menjadi sebagai satu penyakit yang menyumbat telinga mereka (bukan penawar); dan ia juga merupakan gelap-gelita yang menimpa (pandangan) mereka (bukan cahaya yang menerangi). Mereka itu - (dengan perbuatan melarikan diri dari ajaran al-Quran, tidak ubahnya seperti) orang yang diseru dari tempat yang jauh (masakan mereka dapat mendengar dengan betul atau melihat dengan nyata)". (44)

(Surah Fussilat, 41: 44).

Begitu juga dengan firman-Nya:

وَنَزَّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ

الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

Maksud: Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua. (82)

(Surah *al-Isra'*, 17: 82)

Seterusnya tafsiran lebih lanjut daripada firman Allah SWT ini (Ibn al-Kathir, 1999: 1/342):

مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ
بِإِذْنِ اللَّهِ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ

Maksud: *Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah, yang mengesahkan kebenaran kitab yang ada di hadapannya (yang diturunkan sebelumnya).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 97-98)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/342) menegaskan bahawa melalui ayat ini Allah SWT berfirman, “*Barang siapa yang memusuhi-Ku, para malaikat-Ku, dan rasul-Ku,*” yang termasuk ke dalam pengertiannya semua utusan, iaitu baik dalam kalangan malaikat ataupun manusia. Hal ini sepertimana makna yang terkandung dalam firman-Nya:

اللَّهُ يَصْطَفِي مِنَ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا وَمِنَ النَّاسِ إِنَّ
اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ

Maksud: *Allah memilih utusan-Nya dari malaikat dan dari manusia; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (75)*

(Surah *al-Hajj*, 22: 75)

Ayat ini bermaksud, “Barang siapa yang memusuhi Jibril dan Mikail”, kalimat ini termasuk ke dalam Bab, “Ataf Khusus kepada Umum” kerana sesungguhnya kedua-duanya adalah malaikat yang termasuk ke dalam pengertian umum semua rasul (utusan). Kemudian kedua-duanya disebutkan lagi secara khusus pula kerana konteks pembicaraan berkaitan dengan membela Jibril yang merupakan duta antara Allah SWT dan nabi-Nya. Penyebutan Jibril disertai dengan penyebutan Mikail, kerana kaum Yahudi menduga bahawa Jibril adalah musuh mereka, sedangkan Mikail pula kekasih mereka, maka Allah SWT menjelaskan kepada mereka bahawa barang siapa yang menjadi musuh salah satu dari kedua-dua malaikat tersebut, bererti mereka menjadi musuh pula bagi yang lain, bahkan mereka juga menjadi musuh Allah SWT. Hal ini demikian kerana sesungguhnya Malaikat Mikail pun adakalanya turun kepada para nabi Allah SWT pada suatu waktu, sebagaimana dia pun pernah menemani Rasulullah SAW pada permulaannya, tetapi Jibril lebih banyak menemaninya kerana hal ini merupakan tugasnya. Malaikat Mikail tugas utamanya ialah mengatur tetumbuhan dan hujan, Malaikat Jibril menurunkan wahyu, sedangkan malaikat Mikail menurunkan rezeki, sebagaimana Israfil ditugaskan untuk meniup sangkakala pada hari kebangkitan kelak, iaitu pada hari kiamat nanti. Oleh kerana itu, dalam hadis sahih disebutkan bahawa Rasulullah SAW apabila solat pada waktu malam. Baginda SAW selalu membaca doa sebagaimana yang diceritakan dalam satu hadis (Al-Tirmidhi, 1998: 3420; Abu Dawud, 2009: 767; Al-Nasa’i, 1986: 1625):

عَنْ أَبِي سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ، قَالَ: سَأَلْتُ
عَائِشَةَ، أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ: بِأَيِّ شَيْءٍ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَفْتَتِحُ
صَلَاتَهُ إِذَا قَامَ مِنَ اللَّيْلِ؟ قَالَتْ: كَانَ إِذَا قَامَ كَبَّرَ، وَيَقُولُ:

«اللَّهُمَّ رَبَّ جِبْرِيلَ وَمِيكَائِيلَ وَإِسْرَافِيلَ، فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، أَنْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ، اهْدِنِي لِمَا اخْتَلَفْتُ فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِكَ، إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.»

Maksud: Abu Salamah bin 'Abd al-Rahman bin 'Auf berkata, "Aku bertanya kepada Saydatina 'A'ishah RA, Umm al-Mukminin, "Apakah ada sesuatu yang biasa dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika baginda membuka solatnya pada waktu solat malam? Sayidinta 'A'ishah RA berkata, "Baginda SAW ketika berdiri untuk bersolat baginda bertakbir dan berdoa:

اللَّهُمَّ رَبَّ جِبْرِيلَ وَمِيكَائِيلَ وَإِسْرَافِيلَ، فَاطِرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ، أَنْتَ تَحْكُمُ بَيْنَ عِبَادِكَ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ، اهْدِنِي لِمَا اخْتَلَفْتُ فِيهِ مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِكَ، إِنَّكَ تَهْدِي مَنْ تَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Erti: Ya Allah, Tuhan Malaikat Jibril, Malaikat Mikail, dan Malaikat Israfil, Pencipta langit dan bumi, Yang Maha Mengetahui hal yang gaib dan yang nyata, Engkaulah Yang memutuskan hukum antara hamba-Mu dalam semua perkara yang diperselisihkan antara mereka. Berilah daku petunjuk kepada perkara yang hak, guna menyelesaikan hal yang diperselisihkan dengan seizin-Mu. Sesungguhnya Engkau memberi petunjuk kepada siapa yang Engkau kehendaki ke jalan yang lurus.

(Al-Tirmidhi, Abu Dawud, dan al-Nasa'i)

Imam Ibn al-Kathir (1999) menyambung huraian daripada firman Allah SWT seterusnya:

فَإِنَّ اللَّهَ عَدُوٌّ لِّلْكَافِرِينَ ﴿٩٨﴾

Maksud: *Kerana sesungguhnya Allah adalah musuh bagi orang kafir.* (98)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 98)

Ayat ini menurut beliau terkandung meletakkan isim lahir di tempat isim damir, mengingat tidak dikatakan *fainnahu 'aduwwul lil kafirin*, melainkan dikatakan *fainnallaha 'aduwwul lil kafirin*.

Sesungguhnya lafaz Allah SWT di-*izhar*-kan (ditampakkan) dalam kedudukan ini tiada lain untuk menyatakan dan menonjolkan makna tersebut, sebagai pemberitahuan terhadap mereka bahawa barang siapa yang memusuhi kekasih Allah, bererti dia memusuhi Allah SWT. Barang siapa yang memusuhi Allah, bererti Allah SWT adalah musuhnya; dan barang siapa yang menjadi musuh Allah, bererti merugilah dia di dunia dan akhiratnya, seperti yang disebutkan oleh hadis yang lalu, iaitu (Al-Bukhari, 2001: 6502):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ اللَّهَ قَالَ:
مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya Allah berfirman, "Barang siapa yang memusuhi kekasihku, bererti dia menantang-Ku terang-terangan untuk berperang."*

(Al-Bukhari)

Berdasarkan hadis ini menunjukkan bahawa Allah SWT sesungguhnya aku benar-benar akan mengadakan pembalasan demi membela para kekasih-Nya sebagaimana pahlawan yang menuntut balas dalam

peperangan. Kenyataan ini bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA pula menyatakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda ketika meriwayatkan firman Allah SWT (Ibn Majah, 2009: 2442):

وَمَنْ كُنْتُ خَصْمَهُ خَصْمْتُهُ.

Maksud: *Barang siapa menjadi musuhku, nescaya aku akan memusuhinya.*

(Ibn Majah)

Terjelaslah bahawa kenyataan kaum Bani Israil terhadap permusuhan mereka kepada Malaikat Jibril memberi implikasi bahawa mereka juga tidak beriman kepada malaikat Mikail yang mereka beriman. Sebagaimana mereka gagal beriman kepada Nabi Muhammad SAW, maka mereka juga gugur keimanan kepada Nabi Musa dan syariatnya. Apatah lagi dalam kitab Taurat dan Injil sudah jelas menyuruh mereka beriman kepada Nabi Muhammad SAW dengan bukti dan tanda kenabian.

PENGAJARAN AYAT

Terdapat lapan pengajaran yang boleh diambil oleh umat Islam dan umat manusia daripada perbincangan ayat, iaitu sikap kaum Bani Israil terhadap perjanjian mereka kepada Allah SWT; singkapan Allah SWT terhadap perkara yang diubah oleh ulama Yahudi terhadap kitab taurat dari aspek adakah benar bangsa Yahudi adalah kekasih Allah SWT dan anak-anak-Nya, penipuan Yahudi bahawa akhirat adalah untuk kaum Yahudi dan Nasrani, dan Jibril dan permusuhan Yahudi terhadapnya; sumpah mubahalah daripada segi definisi, kaedah, dan kesan; umur yang panjang di dunia adalah lebih baik daripada umur yang pendek; nama para malaikat dan perbincangannya; bukti kenabian Nabi Muhammad dalam sembilan soalan kaum Bani Israil kepada baginda; dan pengakuan Bani Israil terhadap kebenaran perutusan Nabi Muhammad SAW.

SIKAP KAUM BANI ISRAIL TERHADAP PERJANJIAN MEREKA DENGAN ALLAH SWT

Umat Islam dan umat manusia wajar mengetahui, memahami, dan menjauhi sikap yang ditunjukkan oleh kaum Bani Israil terhadap perjanjian mereka dengan Allah SWT, iaitu:

- (1) Sanggup untuk mencabul perjanjian mereka dengan Allah SWT melalui kata-kata, “Kami dengar dan kami menderhaka.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 93). Kata-kata mereka menggambarkan sifat sombong dan takbur mereka terhadap Allah SWT.
- (2) Faktor yang mendorong pencabulan tersebut kerana syaitan sudah menanamkan dalam hati mereka sifat cintakan kepada kesyirikan dalam menyembah anak lembu. Kecintaan seseorang manusia

kepada sesuatu mampu untuk membutakan hati dan mata seseorang terhadap kebenaran sekalipun dibentangkan dengan pelbagai mukjizat di hadapan mata mereka (Surah *al-Baqarah*, 2: 93; Abu Dawud, 2009: 5130). Mereka yang sudah diresapi rasa cinta terhadap penyembahan berhala digambarkan oleh Allah SWT sebagai gambaran mukjizat. Sesiapa yang meminum air daripada daripada sungai yang dibuangkan abu anak lembu sembahsan yang sudah dibakar dan dihancurkan, maka muka dan bibir mereka menjadi kuning (Al-Qurtubi, 2003: 2/31).

- (3) Isi perjanjian utama yang dilanggar termasukkan sewaktu era Nabi Musa AS sendiri, selepas era Nabi Musa AS, dan ketika era Nabi Muhammad SAW.
- (4) Manakalala perkara inti pati terpenting perjanjian ialah menjauhi perkara syirik, mempertahankan kitab taurat sebagai pegangan hidup, beriman kepada Rasul yang diutus oleh-Nya yang ditugaskan untuk menjaga kitab taurat, dan beriman kepada Nabi Muhammad SAW selaku nabi dan Rasul yang menjadi penutup kepada kenabian dan menjadi ketua para Rasul yang bersifat agung (Ibn al-Kathir, 1999: 1/330).

ALLAH SWT MENYINGKAP ANTARA FAKTA TAURAT YANG DIUBAH

Umat Islam dan umat manusia perlu mengetahui dan memahami bahawa terdapat beberapa isi taurat lain yang diubah dalam kalangan ulama Yahudi yang terjauh daripada kebenaran sebagaimana juga fakta bahawa orang Yahudi akan hanya masuk neraka seketika ke dalam neraka dan tempat mereka akan digantikan pula oleh Nabi Muhammad SAW, para sahabat, dan umatnya (Jasmi, 2019b). Isi taurat tersebut ialah:

Bangsa Yahudi adalah Kekasih Allah SWT

Antara isi kitab taurat yang diubah ialah apa yang mereka nyatakan tentang bangsa Yahudi adalah kekasih Allah SWT (Surah al-Jumu'ah, 62:

6-8). Bahkan mereka mengatakan bahawa mereka adalah ibarat anak Allah SWT dan kekasih-Nya (surah *al-Ma'idah*, 5: 18; surah *al-Jumu'ah*, 62: 6-8). Seinggakan kalau mereka engkar, melanggar perintah kitab taurat, Allah SWT tetapi tidak akan menyeksa mereka melainkan seketika (Jasmi, 2019b).

Syurga dan Alam Akhirat adalah untuk Bangsa Yahudi

Antara lain isi kitab taurat yang diubah ialah dengan kenyataan bahawa syurga serta negeri akhirat adalah semata-mata untuk kaum Yahudi dan bukan untuk bangsa serta umat yang lain (surah *al-Baqarah*, 2: 94; Ibn al-Kathir, 1999: 1/331). Kenyataan ini dinafikan oleh Allah SWT dengan menyuruh mereka dan umat Islam untuk melakukan sumpah *mubahalalah*. Tujuan suruhan Allah SWT untuk bermubahalalah adalah menunjukkan kesungguhan Allah SWT dalam penafian fakta tersebut (Surah *al-Baqarah*, 2: 95).

Bahkan Allah SWT mengukuh hujah dan bukti-Nya dengan kenyataan bahawa kaum Yahudi khususnya sebagaimana juga kaum Nasrani, dan Majusi sangat cintakan kehidupan dunia berbanding syurga dan akhirat yang mereka katakan sebagai tempat kembali mereka. Bahkan mereka sama sekali tidak bercita-cita untuk mati (surah *al-Jumu'ah*, 62: 6). Jika diberi pilihan mereka rela untuk hidup 1000 tahun di dunia ini (Surah *al-Baqarah*, 2: 96).

Mengapa mereka bercita-cita untuk hidup lama di dunia berbanding dengan kematian? Hal ini demikian kerana berkait dengan pengetahuan mereka yang sebenar bahawa kegagalan mereka beriman kepada Nabi Muhammad SAW sebagaimana perjanjian mereka kepada Allah SWT menjadikan mereka pula tergolong dalam golongan orang yang kafir sekalipun mereka berpegang teguh kepada ajaran Nabi Musa AS ketika sesudah datangnya perutusan Nabi Muhammad SAW. Kekafiran mereka tersebut menjadikan mereka pula kekal dalam neraka yang bukan sahaja disebabkan dosa kekufuran, tetapi dosa kerana sudah mengetahui kebenaran dengan pasti, tetapi tetap tidak berganjak untuk beriman

dan mendokong kebenaran tersebut (surah al-Baqarah, 2: 94-96; surah *al-Jumu'ah*, 62: 7-8)

Jibril adalah Musuh dan Mikail adalah Kawan kepada Kaum Bani Israil

Segala rukun iman, iaitu keimanan kepada Allah SWT, semua para malaikat, Rasul, kitab, hari kiamat, serta qadak dan qadar adalah keimanan yang wajib kepada umat manusia yang tidak pernah diubah walaupun syariat kenabian berubah daripada satu nabi kepada satu nabi dan daripada seorang Rasul kepada seorang Rasul. Jika salah satu daripada bahagian rukun iman ini tidak diimani oleh seseorang, maka mereka akan benar-benar menjadi murtad dan terkeluar daripada agama Islam (surah *al-Nisa'*, 4: 150-152; surah *al-Baqarah*, 2: 97-98). Salah satu alasan ulama Yahudi untuk menolak keimanan mereka kepada Nabi Muhammad SAW adalah kerana sahabat Nabi SAW yang utama dalam kalangan para malaikat adalah Malaikat Jibril AS sedangkan kaum Yahudi memusuhi Malaikat Jibril ini (Al-Bukhari, 2001: 3938) menurut ajaran yang sudah diubah oleh ulama Yahudi (Surah *al-Baqarah*, 2: 98).

Alasan kaum Yahudi untuk memusuhi Jibril dengan menyatakan bahawa malaikat Jibril kepada mereka merupakan malaikat yang banyak membocorkan rahsia kejahatan mereka kepada Nabi Muhammad SAW (Ibn Jarir, 2001: 1610), berperangai bengis (Ibn Jarir, 2001: 1608), suka melakukan kekerasan dan menumpahkan darah (Ibn Jarir, 2001: 1489, 1607, 1608); terlibat dalam peperangan, pembunuhan, menimpkan azab (Ahmad, 2001: 2483; Ibn Jarir, 2001: 1607, 1608), dan pembalasan (Ibn Jarir, 2001: 1615) yang menyebabkan manusia kelaparan (Ibn Jarir, 2001: 1610).

Sebaliknya pula mereka beriman dan berkawan kepada Malaikat Mikail AS kerana malaikat ini menurunkan rahmat, hujan (Ahmad, 2001: 2483; Ibn Jarir, 2001: 1615), dan menumbuhkan tumbuhan (Ahmad, 2001: 2483) dengan menyuburkan tanah, membawa kemakmuran

(Ibn Jarir, 2001: 1610, 1612), dan kesihatan kepada umat manusia (Ibn Jarir, 2001: 1612).

Pada hakikatnya, kedua-dua malaikat sama ada Jibril dan Mikail bertugas atas perintah Allah SWT (surah *Maryam*, 19: 64). Apa yang diberitakan oleh Yahudi tentang sifat Jibril merupakan tugas sampingan malaikat Jibril untuk menolong orang Islam dalam peperangan *fi sabilillah* yang sudah tentu malaikat ini membantu untuk membunuh musuh umat Islam tanpa belas kasihan. Malaikat Jibril juga menurunkan bala bencana berdasarkan perintah Allah SWT kepada umat manusia kerana kemungkaran yang khusus, atau setelah sempurna tempoh risah seseorang Rasul. Sedangkan pekerjaan utama Jibril AS ialah menyampaikan wahyu ke dalam hati sanubari para nabi termasuk Nabi Muhammad SAW (surah *al-Baqarah*, 2: 97; surah *al-Syu'ara*, 26: 192-194).

Memusuhi Jibril menyebabkan seseorang sudah mengurangi salah satu daripada rukum iman, iaitu percaya kepada malaikat. Percaya kepada malaikat merujuk percaya kepada semua malaikat tanpa ada satupun malaikat yang tidak diimani. Oleh kerana itu, Allah SWT mengisytiharkan perang kepada seseorang yang memusuhi wali atau wakil-Nya termasuk para malaikat-Nya (Al-Bukhari, 2001: 6502; Ibn Majah, 2009: 2442).

KESAN BURUK SIFAT SYIRIK KEPADA UMAT MANUSIA

Umat Islam dan umat manusia wajar mengetahui, memahami, dan menjauhi amalan syirik terhadap Allah SWT kerana amalan ini mampu memberi kesan yang mendalam kepada pengamalannya dari segi tertanam rasa cinta dan sayang untuk melakukan amalan syirik tersebut secara berterusan sebagaimana yang berlaku kepada kaum Bani Israil (Surah *al-Baqarah*, 2: 93). Ketika seseorang sudah tertanam rasa cinta tersebut menyebabkan seseorang melakukannya bukan lagi kerana kebenaran, tetapi melakukannya dengan bersandarkan emosi yang membutuhkan

mata, hati, dan menjadikan seseorang itu pekak dan bisu untuk mendengar dan membicarakan kebenaran (Abu Dawud, 2009: 5130).

Oleh kerana itu, jika seseorang berhujah dengan hujah yang sempurna dan jitu dan dapat membuktikan bahawa perbuatan penyembahan berhala adalah dosa dan satu amalan yang tidak boleh diterima oleh akal yang sihat, dan satu perbuatan yang sangat keji. Golongan penyembah berhala ini akan rasa marah dan tercabar. Sekiranya mereka mempunyai kuasa, mereka akan menggunakan kekuasaan untuk mempertahankannya dan membinasakan orang yang berhujah tersebut. Kemarahan tersebut wujud tersebut disebabkan syaitan sudah meresapi dalam diri mereka dan menanamkan rasa cinta dan sayang kepada penyembahan tersebut.

Terbukti sekalipun kaum Bani Israil sudah melihat kebenaran mukjizat yang banyak dengan mata kepala mereka sendiri yang ditunjukkan oleh Nabi Musa AS bagi membuktikan kekuasaan Allah SWT, kaedah yang betul dalam menyembah-Nya, serta membuktikan kebenaran syariat yang dibawa olehnya (Jasmi, 2018c, 2018b, 2019d), sebahagian mereka tetap tidak dapat beriman kepada Allah SWT dengan sepenuh hati dan tidak mahu mengikuti ajaran yang diturunkan-Nya melalui Nabi Musa AS dalam penyembahan kepada Allah SWT. Bahkan 70,000 orang dalam kalangan mereka menjadi penyembah berhala anak lembu (Surah *al-Baqarah*, 2: 93) ketika Nabi Musa AS pergi bermunajat (Jasmi, 2018a).

SUMPAH MUBAHALAH BAGI MEMBUKTIKAN KEBENARAN DAN KESAN-NYA

Umat Islam dan umat manusia perlu mengetahui, memahami, dan mempraktikkan sumpah mubahalah bagi membuktikan kebenaran dalam hal yang ghaib. Sumpah mubahalah ialah satu sumpah yang dilakukan untuk mengukuhkan dakwaan tentang sesuatu perkara. Sumpah mubahalah diambil daripada perkataan *nabtahil* (نَبْتَاهِل) yang bererti '*kita bermubahalah.*'

Sumpah ini boleh dilakukan dalam bentuk sebelah pihak yang mendakwa sebagaimana orang Yahudi yang mendakwa bahawa syurga dan alam akhirat adalah dikhususkan untuk mereka sahaja (surah *al-Baqarah*, 2: 94). Sedangkan umat Islam yang tidak mendakwa demikian tidak perlu bersumpah mubahalah ini. Hal ini kerana berdasarkan kepercayaan umat Islam bahawa semua umat manusia akan masuk syurga jika beriman kepada Allah SWT dan beriman kepada nabi yang diutuskan bagi sesuatu zaman dan kaum. Orang yang masuk syurga ini tidak kira dalam kalangan kaum Bani Israil atau tidak. Oleh kerana hanya kaum Yahudi sahaja yang mendakwa syurga adalah untuk keturunan mereka, maka sumpah mubahalah ini sesuai dilafazkan kepada sebelah pihak sahaja. Lafaz sumpah sebelah pihak yang mungkin boleh dilakukan oleh orang Yahudi:

Wahai Allah! Kami Berharap agar engkau matikan kami serta merta jika benar bahawa syurga dan alam akhirat adalah untuk kami supaya kami boleh menikmati syurga yang sudah Engkau janjikan.

Boleh juga sumpah ini dilakukan oleh dua kumpulan manusia bagi membuktikan kebenaran dakwaan kumpulan mereka. Untuk kes ini seperti dakwaan kaum Nasrani bahawa Nabi Isa AS ialah anak Tuhan. Sedangkan umat Islam hanya mendakwa bahawa Nabi Isa AS hanya merupakan utusan Allah SWT sebagai Rasul yang lain yang mengutuskan para rasul (Ibn al-Kathir, 1999: 1/222). Setelah kedua-dua hujah dibentangkan oleh setiap kedua-dua kumpulan perdebatan, maka jika kedua-dua saling tidak dapat menerima, maka sumpah mubahalah boleh dilakukan kepada kedua-dua kumpulan. Kaedah sumpah mubahalah ialah dengan kedua-dua kumpulan akan berkumpul bersama dengan anak dan isteri mereka, serta bermohon agar diberikan kematian terhadap kumpulan yang batil dan mengekalkan hidup kumpulan yang benar.

Wahai Allah! Engkau binasakan kumpulan yang batil antara dua kumpulan yang berdebat ini bersama dengan anak dan isteri mereka bagi membuktikan siapa yang benar dalam kalangan kedua-dua kumpulan ini.

Implikasi daripada sumpah mubahalah ini, ialah Allah SWT akan memperkenankan secara terus dan tidak bertanggguh untuk memamatkan kumpulan yang batil. Sebagai yang terjelas daripada maksud hadis bahawa sekiranya bangsa Yahudi bersumpah mubahalah ini sudah tentu semua bangsa mereka akan binasa dan tidak akan wujud lagi di bumi ini (Ibn Abi Hatim, 1998: 938; Ahmad, 2001: 2225). Walaubagaimanapun terdapat juga athar yang menyatakan mereka tidak akan binasa secara terus, tetapi akan binasa dalam tempoh tertentu (Ibn Abi Hatim, 1998: 941).

UMUR YANG PANJANG DI DUNIA ADALAH LEBIH BAIK BAGI MANUSIA MENURUT ISLAM

Dalam Islam, seseorang yang hidup dengan umur yang lebih panjang adalah lebih baik daripada umur yang pendek. Hal ini demikian kerana umur yang panjang tersebut membolehkan dia untuk menambahkan amalan kebaikan di dunia melalui amalan yang wajib dan sunat. Maka dengan itu dia akan mendapat pahala yang lebih banyak dan mendapat darjat syurga yang lebih tinggi (Al-Tirmidhi, 1998: 2329).

NAMA PARA MALAIKAT DAN PERBAHASANNYA

Umat Islam dan umat manusia perlu mengetahui dan memahami bahawa lafaz *jibr* (جبر), *mika* (ميك), dan *israf* (إسراف) semuanya *abd* (عبد), iaitu ‘hamba’, sedangkan huruf *il* (إيل) yang bersambung dengan nama-nama malaikat tersebut ertinya Allah SWT Al-Bukhari (2001: 6/19). Sebagian ulama menyatakan bahawa *il* ertinya *abd* (hamba), sedangkan kalimat yang lainnya ertinya nama Allah, mengingat nama *il* tidak berubah pada kesemua itu, maka wazannya sama dengan nama

seperti Abd Allah, Abd al-Rahman, Abd al-Malik, Abd al-Quddus, Abd al-Salam, Abd al-Kafi, dan Abd al-Jalil. Lafaz 'Abd' ada dalam semua nama tersebut, sedangkan nama yang *dimudafkan* kepadanya berbeza-beza. Hal yang sama terjadi pula pada lafaz Jabrail, Mikail, Azrail, Israfil, dan lain-lainnya yang sejenis. Akan tetapi, perlu diingat bahawa dalam bahasa Arab terdapat perbezaan, selalu mendahulukan *mudaf ilaih* daripada *mudaf*-nya.

BUKTI KENABIAN NABI MUHAMMAD SAW

Umat Islam dan umat manusia perlu mengetahui dan memahami bahawa terdapat bukti kenabian Nabi Muhammad SAW untuk mereka mengukuhkan lagi keimanan. Dalam masa yang sama apa sahaja ilmu yang diajarkan perlulah umat Islam dan umat manusia praktikkan. Salah satu bukti kenabian ialah Nabi Muhammad SAW boleh menjawab persoalan yang hanya mampu dijawab oleh seorang Nabi dan Rasul antara persoalan tersebut ialah:

(1) Makanan apakah yang diharamkan oleh Nabi Ya'qub AS terhadap dirinya sebelum kitab Taurat diturunkan?

Jawapan kepada persoalan ini ialah daging unta dan susu unta. Kedua-dua daging dan susu unta ini diharamkan kerana membayar nazar Nabi Ya'qub AS yang disebabkan baik daripada sakit (Ahmad, 2001: 2471, 2483).

(2) Bagaimanakah rupa air mani laki-laki dan air mani perempuan

Jawapan kepada persoalan ini ialah air mani laki-laki itu rupanya kental lagi putih, sedangkan air mani perempuan cair berwarna kuning (Ahmad, 2001: 2471).

(3) Bagaimana boleh terjadi daripadanya anak laki-laki dan anak perempuan?

Jawapan kepada persoalan ini ialah mana sahaja antara keduanya yang dapat mengalahkan yang lain, maka kelak anaknya akan seperti dia dan mirip kepadanya dengan seizin Allah SWT. Apabila air mani laki-laki mengalahkan air mani perempuan, maka anaknya adalah laki-laki dengan seizin Allah SWT. Dan apabila air mani perempuan dapat mengalahkan air mani laki-laki, maka kelak anaknya bakal perempuan dengan seizin Allah SWT (Ahmad, 2001: 2471, 2483). Mengikut

(4) Apakah yang menyebabkan seorang anak mirip kepada ayahnya atau ibunya?

Jawapan kepada persoalan ini ialah apabila air mani laki-laki mendahului air mani perempuan, maka si anak kelak akan menyerupainya. Dan apabila air mani perempuan mendahului air mani laki-laki, maka kelak anaknya akan mirip dengannya (Al-Bukhari, 2001: 3938).

(5) Ceritakanlah kepada kami tentang nabi yang ummi dalam kitab Taurat. Ceritakanlah kepada kami tentang pertanda nabi

Jawapan kepada persoalan ini ialah nabi yang ummi ini kedua matanya tidur, tetapi hatinya tidak tidur (Ahmad, 2001: 2471). Petanda kenabian Nabi Muhammad SAW ialah kedua matanya tertidur, tetapi hatinya tidak tidur (Ahmad, 2001: 2483).

(6) Ceritakanlah kepada kami apakah kilat itu? Apakah suara yang biasa kita dengar dari guruh itu?

Jawapan kepada persoalan ini ialah salah satu malaikat Allah SWT yang ditugaskan untuk mengatur awan dengan kedua tangannya, atau di tangannya ia memegang sebuah cemeti api yang ia gunakan untuk mengiring awan menurut apa yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Dan suara yang biasa didengari pula daripada kilat tersebut sebagai guruh tersebut pula ialah suara malaikat itu (Ahmad, 2001: 2483).

(7) Apakah tanda hari kiamat itu?

Jawapan kepada persoalan ini ialah pertanda hari kiamat ialah munculnya api yang menggiring manusia dari arah timur menuju ke arah barat (Al-Bukhari, 2001: 3938).

(8) Apakah makanan yang mula-mula dimakan oleh ahli syurga?

Jawapan kepada persoalan ini ialah makanan yang mula-mula dimakan oleh ahli syurga, maka ia adalah lebihan dari hati ikan paus (Al-Bukhari, 2001: 3938).

(9) Siapakah yang menjadi kekasihnya dalam kalangan para malaikat? Ceritakanlah kepada kami tentang al-Roh

Jawapan kepada persoalan ini ialah sesungguhnya kekasihku adalah Jibril, tidak sekali-kali Allah SWT mengutus seorang nabi melainkan dia selalu bersamanya (Ahmad, 2001: 2471, 2483). Manakala maksud al-Roh itu adalah Jibril (Ibn Jarir, 2001: 1489, 1607).

PENGAKUAN KAUM YAHUDI TERHADAP NABI MUHAMMAD SAW SEBAGAI RASUL

Sayidina ‘Umar pernah bertanya daripada hati ke hati dengan para ulama Yahudi tentang kerasulan Nabi Muhammad SAW. Persoalan ini diperakukan sendiri daripada orang yang paling alim daripada kalangan ulama Yahudi tersebut. Jawapan ini menyebabkan Sayyidina ‘Umar mendoakan kecelakaan kepada para ulama Yahudi kerana mereka mengetahui kebenaran Nabi Muhammad SAW tetapi enggan beriman kepadanya hanya dengan alasan bahawa Baginda Nabi SAW menerima wahyu daripada Jibril AS sedangkan kawan bagi kaum Yahudi adalah Malaikat Mikail. Kenyataan ini menyebabkan Sayyidina Umar

bertanya adakah kedua-dua malaikat ini makhluk suruhan Allah SWT? Kaum Yahudi juga membenarkannya. Jawapan kaum Yahudi menyebabkan Sayyidina ‘Umar menegaskan bahawa jika demikian sama ada seseorang berkawan dengan kedua-duanya akan menjadi kawan bagi kedua-duanya. Jika seseorang pula membenci kedua-duanya, maka dia akan menjadi musuh kepada kedua-duanya (Ibn Jarir, 2001: 1608; Ibn Abi Hatim, 1998: 960).

RUMUSAN

Terdapat tema utama tafsiran ayat iaitu keengganan kaum Bani Israil untuk beriman kepada Nabi Muhammad, perubahan isi taurat oleh ulama Yahudi yang membawa maksud alam akhirat dan syurga adalah untuk kaum Bani Israil sahaja dan permusuhan kaum ini kepada Malaikat Jibril AS. Perbincangan tafsiran memberikan pengajaran kepada umat manusia tentang sikap sebenar kaum Bani Israil terhadap segala perjajian mereka kepada Allah SWT, kesan buruk daripada amalan syirik, kaedah sumpah mubalah, kebaikan umur yang panjang, nama malaikat dan perbahasannya, dan bukti kenabian Nabi Muhamad SAW.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu‘aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu‘ay al-Arna’ut & ‘Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu’assah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.

- Al-Hakim, Abu 'Abdullah Muhammad. 1990. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn li al-Hakim*. Mustafa 'Abd al-Qadir Al-'Ata (Ed.). Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nasa'i, Ahmad. 1986. *Al-Mujtabi min al-Sunan*. 'Abd al-Fattah Abu Gadat (Ed.). Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. t.th. *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas*. Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub (Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'Imiyah.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu: Surah al-Baqarah (2: 51-57)*. Kertas Kerja dalam Siri 13: Program Budaya al-Quran, 06 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Kelebihan Bani Israil Tidak Berbeza Ketika di Akhirat: Surah al-Baqarah (2: 47-50)*. Kertas Kerja dalam Siri 12: Program Budaya al-Quran, 29hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Kertas Kerja dalam Siri 11: Program Budaya al-Quran, 22hb. November 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Kecintaan Kepada Dunia dan Permusuhan dengan Jibril AS: Surah al-Baqarah (2: 93-98)*. Kertas Kerja dalam Siri 20: Program Budaya al-Quran, 21 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Kertas Kerja dalam Siri 17: Program Budaya al-Quran, 24 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Kertas Kerja dalam Siri 19: Program Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019d. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Kertas Kerja dalam Siri 16: Program Budaya al-Quran, 17 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019e. *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Kertas Kerja dalam Siri 18: Program Budaya al-Quran, 31 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.

INDEKS

- Abu Dawud*, 5, 53, 57, 61
Ahmad, 10, 28, 31, 32
al-Baqarah, i, ii, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 10,
 12, 14, 15, 18, 19, 20, 21, 22,
 23, 28, 29, 32, 33, 35, 40, 42,
 43, 44, 46, 49, 51, 54, 56, 57,
 58, 59, 60, 61, 62
Al-Bukhari, 35, 48, 54
al-Hajj, 51
Al-Hakim, 19
Ali Imran, 13
al-Isra', 51
al-Jumu'ah, 12, 57, 58, 59
 Allah SWT, v, vi, 1, 3, 4, 5, 6, 7,
 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16,
 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24,
 27, 29, 31, 35, 39, 41, 43, 44,
 45, 46, 47, 49, 51, 52, 53, 54,
 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63,
 65, 66, 67
al-Ma'idah, 12, 58
al-Nasa'i, 53
al-Nisa', 47, 59
 al-Quran, i, ii, v, 2, 22, 28, 33, 35,
 38, 46, 48, 49, 50, 51
al-Syu'ara, 48, 60
Al-Tirmidhi, 17, 53
 Bani Israil, i, 1, 3, 5, 7, 8, 12, 17,
 18, 23, 29, 55, 56, 59, 60, 61,
 62, 67
Fussilat, 50
Ibn Abi Hatim, 9, 10, 24, 42, 44
Ibn Jarir, 29, 33, 40, 43, 45
Ibn Majah, 55
 Islam, 73
 Jibril, i, 1, 2, 21, 22, 23, 28, 29, 32,
 33, 34, 35, 39, 41, 43, 44, 45,
 46, 47, 48, 49, 51, 52, 53, 55,
 56, 59, 60, 66, 67
 Kitab Taurat, 2, 4
 lembu, 2, 4, 5, 6, 7, 56, 61
Maryam, 14, 15, 16, 48, 60
 Mikail, 3, 22, 23, 32, 39, 41, 43,
 44, 45, 52, 53, 55, 59, 60, 64,
 66
 Nabi Muhammad SAW, 1, 6, 8,
 44, 46, 55, 56, 57, 58, 59, 60,
 64, 65, 66
 Tursina, 2, 4
 Yahudi, 2, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 15,
 16, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 26,
 29, 31, 32, 33, 35, 38, 41, 43,
 44, 45, 52, 56, 57, 58, 59, 60,
 62, 63, 66, 67

BIODATA PENULIS

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016), *Perspektif Baharu dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah di Malaysia* (2019), *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi* (2021) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran

Siri 17

Bani Israil dan Kecintaan kepada Dunia serta Permusuhan dengan Jibril AS: Surah al-Baqarah (2: 93-101)

Bani Israil dan Kecintaan kepada Dunia serta Permusuhan dengan Jibril AS, surah al-Baqarah (2: 93-101), Siri 17 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Kaum Bani Israil sangat takut untuk mati disebabkan keyakinan mereka tentang tempat mereka kembali di alam akhirat adalah dalam neraka Allah SWT kerana disebabkan keingkaran mereka untuk beriman kepada Nabi Muhammad SAW. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 93-98) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lapan aspek pengajaran yang boleh diambil oleh umat Islam dan umat manusia, iaitu sikap kaum Bani Israil terhadap perjanjian mereka kepada Allah SWT; singkapan Allah SWT terhadap perkara yang diubah oleh ulama Yahudi terhadap kitab taurat dari aspek adakah benar bangsa Yahudi adalah kekasih Allah SWT dan anak-anak-Nya, penipuan Yahudi bahawa akhirat adalah untuk kaum Yahudi dan Nasrani, dan Jibril dan permusuhan Yahudi terhadapnya; sumpah mubahalah daripada segi definisi, kaedah, dan kesan; umur yang panjang di dunia adalah lebih baik daripada umur yang pendek; nama para malaikat dan perbahasannya; bukti kenabian Nabi Muhammad dalam sembilan soalan kaum Bani Israil kepada baginda; dan pengakuan Bani Israil terhadap kebenaran perutusan Nabi Muhammad SAW.



ISBN 978-967-2171-85-0



9 789672 171850